



Pada 10 Jun 2024, kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim melalui Pakatan Harapan (PH) telah melancarkan satu program penyasaran subsidi diesel dimana subsidi minyak diesel dimansuhkan dan harga berkuatkuasa mengikut harga pasaran bermula harga RM3.35 seliter di Semenanjung Malaysia, sementara di Sabah, Sarawak, dan Labuan kekal RM2.15 seliter. Kesan dari polisi kerajaan ini jelas akan meningkatkan kos bahan kehidupan rakyat terutamanya perbelanjaan isi rumahtangga. Dari barangan niaga harian hinggalah ke kos pengangkutan barangan tersebut akan dilemparkan beban tanggungannya kepada rakyat oleh peniaga-peniaga dengan menaikkan harga.

Malah semenjak krisis Perang Hamas-Israel di Gaza terletus, laluan perdagangan maritim penting di Laut Merah telah disekat oleh puak pemberontak Houthi di Yemen. Krisis ini telah memberi impak yang lebih luas dimana kapal dagang antarabangsa mengambil keputusan untuk mengambil laluan lain pintasi Laut Merah dengan mengambil laluan selatan iaitu melalui Tanjung Harapan (Cape of Good Hope), Afrika Selatan ke pasaran Eropah dan balik ke pasaran Asia. Ini menambah lagi kos pengangkutan barangan dimana syarikat pengangkutan menaikkan kos perkhidmatan untuk ditanggung oleh pengguna. Tambahan pula, nilai matawang Ringgit dipasaran kewangan kian bergolak berbanding dengan tahun yang lepas menyebabkan kuasa pembelian rakyat secara umum menjunjam jatuh dan menambah kepada beban kos kehidupan rakyat.

Ura-ura penarikan diesel subsidi ini merupakan satu perkara yang telah dijangkakan oleh khalayak umum, bercanggah dengan aspirasi rakyat terhadap kerajaan PH, sebaliknya menunjukan lagi peranan sebenar kerajaan yang bersandarkan kepada kepentingan pihak pembeda. Hujah yang dilontarkan oleh Amir Hamzah Azizan merangkap jawatan Menteri Kewangan yang kedua berucap di Parlimen dengan menyatakan bahawa ketirisan penyeludupan diesel oleh sindiket jenayah yang mengambil kesempatan keatas subsidi ini di sempadan negara, menjadi punca kepada penarikan subsidi ini. Dalam kata lainnya rakyat melihat bahawa kepimpinan kerajaan ini melancarkan agenda penjimatan untuk menanggung sistem kapitalisme seperti mana sekarang iaitu 'status quo' dengan menghukum rakyat dengan pemansuhan subsidi diesel.

Tidak lama kemudian, kesan lanjutan polisi ini mula mengorak langkah dengan kenaikan harga sebanyak RM4 untuk tong gas asli untuk kegunaan rumah tangga apabila kenaikan harga diesel

berkuatkuasa serta kenaikan harga perkhidmatan asas yang lain kian menyusul. Tular video-video pengguna dan peniaga bertikam mulut di media sosial berkenaan kenaikan harga barangan melonjak secara drastik dalam masa beberapa hari dan minggu. Selain itu, kelemahan penguatkuasaan oleh KPDN telah menyebabkan sesetengah peniaga menaikkan harga secara mendadak dan menyorok barangan subsidi di premis perniagaan membebaskan lagi tanggungan rakyat yang sekian ada sudah tenat dan parah.

Tiada harapan yang dipancarkan oleh kepimpinan politik kerajaan Madani sehingga kini, semenjak rasionalisasi subsidi untuk bahan seperti telur, ayam, dan diesel. Kerajaan dengan bongkaknya memberi sugu hati kepada rakyat dengan menurunkan harga telur sebanyak 3 sen sebagai berita baik hasil pemansuhan subsidi diesel. Pada waktu yang sama, tular keluhan rakyat di media sosial bahawa golongan tani di desa mengadu bahawa kenaikan harga diesel ini membebaskan mereka yang membanting tulang di sektor pertanian kecil dan sederhana. Apa yang difikirkan oleh pentadbiran politik kini amat jauh kesannya kepada rakyat malah bercanggah dengan pendapat arus perdana, ibarat langit dengan bumi.

Keluhan rakyat ini sewajarnya disuarakan secara kolektif dalam melawan agenda penjimatan kerajaan Madani. 'Madani pada nama, dan rakyat papa kedana' dalam intipatinya merupakan slogan utama kerajaan neoliberal yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim. Pekerja di bandar dan desa seharusnya bersatu padu dalam satu organisasi untuk menuntut subsidi ini dikembalikan semula kepada rakyat. Hujah bahawa ketirisan berlaku serta penyalahgunaan subsidi ini oleh pihak tidak bertanggungjawab tidak patut diterima sebaliknya ketirisan perbendaharaan negara oleh pihak korup sepatutnya ditangani dahulu bukannya subsidi yang diperlukan oleh rakyat setiap hari yang bekerja keras demi mencari sesuap makan.

Percanggahan ini jelas apabila kerajaan Madani ini membenarkan pakatan politik 'Kerajaan Perpaduan' dengan blok Barisan Nasional (BN); dimana Presiden BN tahun lepas yang didakwa di Mahkamah Tinggi akibat tuduhan jenayah dan korupsi melibatkan 70 pertuduhan yang berasingan namun semenjak pertukaran kepimpinan kerajaan Malaysia langsung dari PRU-15. Pertuduhan ini ditarik balik oleh pihak Peguam Negara walaupun dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengiktirafkan bahawa pertuduhan pendakwaan wujud

bersambung ke mukasurat sebelah

KOS SARA HIDUP SEMAKIN MENINGKAT LAWAN AGENDA PENJIMATAN NEOLIBERAL!

oleh Z



sambungan dari muka depan

unsur jenayah 'prima facie' terhadap Presiden BN. Terang lagi bersuluh bahwa Kerajaan Madani berdiri untuk kelas pemerintah dan bukannya untuk rakyat, lanjutan walaupun kepimpinan politik telah bertukar tangan pasca PRU-15, helah dan muslihat dipintu belakang kian berlaku dan disiarkan kepada rakyat untuk dilihat.

Jalan keluar untuk rakyat kini ialah dengan mengambil semula peranan politik dalam arena politik negara. Kepimpinan parti politik tradisional dan reformis seperti PH, PN dan BN telah mengkhianati aspirasi rakyat berulung kali dan penarikan subsidi menjadi titik

terakhir untuk bermula perjuangan balas atas medan politik yang serius dari rakyat. Kesatuan sekerja, dan organisasi akar umbi wajar mengangkat program sosialisme yang berasaskan kepada kelas pekerja dimana ini akan menyelesaikan semua percanggahan agihan subsidi dalam kapitalisme yang sarat dengan penyeludupan, penyorokan barang subsidi, kenaikan harga yang mencekik darah dan sebagainya.

Dengan memiliknegerakan industri pengeluaran diesel serta bahan esensi yang lain, rakyat boleh menyatukan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan bangsa, di bawah panji parti pekerja demi sosialisme dan internationalisme. Kejayaan be-

lia dan rakyat di Kenya yang menentang agenda penjimatan oleh Perdana Menteri Ruto baru-baru ini seharusnya menjadi iktibar dan petunjuk untuk rakyat mencari jalan keluar dari krisis ini. Kerajaan untuk majoriti akan menangkan hak untuk rakyat supaya beban kolektif itu ditanggung bersama untuk kemaslahatan umum, manakala kerajaan untuk minoriti akan menarik hak dari rakyat demi menanggung kemaslahatan peribadi kepimpinan politik yang korup dengan mengorbankan kepentingan umum.

Kesimpulannya, kebangkitan kesedaran kelas pekerja dalam konteks semasa adalah keperluan yang genting. Dalam menghadapi peningkatan kos kehidupan dan

pengkhianatan yang berterusan oleh kelas pemerintah, hanya melalui perpaduan dan tindakan kolektif kelas pekerja kita dapat melawan sistem kapitalisme yang menindas. Kepimpinan politik yang ada, sama ada melalui PH, PN, atau BN, telah membuktikan diri mereka sebagai alat kepada kelas pemodal, bukan sebagai pelindung kepada kepentingan rakyat. Oleh itu, perjuangan ini harus diteruskan di luar kerangka politik tradisional yang telah gagal, dengan membina gerakan yang berasaskan kepada prinsip-prinsip sosialisme yang sejati, yang memihak kepada majoriti pekerja, bukan minoriti elit.

Rakyat mesti menyedari bahawa kuasa sebenar terletak di tan-

gan mereka, dan dengan bersatu di bawah panji perjuangan kelas pekerja, mereka dapat merebut kembali hak-hak mereka yang telah dirampas. Revolusi demokratik sosialisme adalah satu-satunya jalan keluar yang nyata untuk mengakhiri ketidakadilan ini dan mewujudkan masyarakat yang benar-benar adil dan sejahtera, di mana hasil usaha rakyat dinikmati oleh semua, bukan oleh segelintir yang berkuasa.

Hala tuju Kerajaan Madani

oleh Yuva Balan



Kerajaan Madani di bawah Naungan Anwar Ibrahim yang digelar sebagai pejuang reformasi masih belum berjaya membawa sebarang reformasi yang nyata dalam lebih setahun setengah pemerintahan. Sepertimana yang dilihat di dalam pilihanraya kecil Sg Bakap, koalisi pemerintah PH-BN belum lagi berjaya mengukuhkan sokongan mereka di kalangan rakyat. Para pengundi daripada etnik India dan Cina terutamanya telah memilih untuk menghukum PH dengan tidak keluar mengundi dan memberikan PN kemenangan dengan majoriti yang besar.

Keputusan Pilihan Raya Kecil tersebut juga mencerminkan realiti umum di Malaysia di mana kerajaan Madani tidak membawa sebarang harapan yang jitu kepada jutaan rakyat miskin yang sedang menghadapi tekanan ekonomi dan sosial yang sedang semakin merosot.

Dari sudut polisi-polisi ekonomi yang dibawa oleh kerajaan Madani, boleh dikatakan bahawa ianya merupakan kesinambungan daripada polisi ekonomi zaman pemerintahan Najib Razak yang digelar sebagai 'Najibonomiks'. Kerajaan hari ini dalam era pra pandemik sedang giat untuk menswastakan aset-aset negara dan melancarkan projek-projek mega yang baru di samping menandatangani perjanjian-perjanjian perdagangan yang bersejarah.

PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TERBATAS

Pada waktu ini, tidak boleh dinafikan bahawa Malaysia sedang mencatatkan pertumbuhan GDP di sebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Antaranya merupakan perang dagang dan persaingan diantara kuasa ekonomi besar Amerika Syarikat dan China yang memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara untuk jangka masa yang pendek.

Amerika Syarikat dan sekutunya sedang giat memindahkan kilang-kilang pengeluaran barangan elektronik keluar daripada China dan sedang mendirikan pusat-pusat produksi baru di Asia Tenggara dan di negara-negara lain. Pada masa yang sama, China juga sedang giat untuk meluaskan aktiviti perdagangan mereka

untuk bersaing dengan Amerika Syarikat dari segi pengeluaran dan pemasaran barangan teknologi tinggi seperti peralatan elektronik, perkakas elektrik, kereta elektrik dan sebagainya.

Situasi ini memberikan ruang kepada negara-negara pengeksport seperti Malaysia untuk menerima pelaburan-pelaburan baru daripada kedua-dua Amerika Syarikat dan China yang sedang bersaing diantara satu sama lain. Tetapi persoalannya, adakah situasi ekonomi dunia ini akan berkekalan untuk jangka masa yang panjang?

Situasi geopolitik dunia sedang menjadi semakin rumit dengan ketegangan ketenteraan di beberapa kawasan penting di dunia seperti di Timur Eropah (Ukraine - Russia), Timur Tengah (US/Israel - Iran) dan di Taiwan (US/Taiwan - China). Pada waktu ini, dunia sedang melihat formasi-formasi pertahanan dan perdagangan baru yang mula terbentuk berpusatkan Amerika Syarikat dan China yang boleh mengakibatkan konflik-konflik proksi di serata dunia yang akan memberi kesan yang dalam kepada situasi ekonomi global.

Pada masa yang sama, nilai

matawang Malaysia masih lemah dan sebarang penurunan kadar bunga oleh AS akan memberi impak yang teruk kepada negara-negara ekonomi kecil seperti Malaysia. Malaysia juga masih belum terlepas daripada krisis hutang negara yang tinggi.

EKONOMI KELAS PEKERJA

Tetapi, persoalan yang lebih penting merupakan jika pertumbuhan GDP yang dinikmati oleh Malaysia sebenarnya sedang memberi sebarang manfaat kepada majoriti daripada rakyat yang merupakan kelas pekerja?

Di lapangan, rakyat miskin masih sedang terbeban dengan peningkatan harga barangan dan kos kehidupan sejak sebelum pandemik Covid lagi. Kos kehidupan seperti makanan, pengangkutan, perumahan dan sebagainya telah meningkat secara mendadak pada era pasca pandemik dan masih belum menurun sehingga ke hari ini. Pada masa yang sama, kerajaan Madani yang kononnya akan menjaga kepentingan rakyat belum lagi mengumumkan

sebarang peningkatan kepada gaji minimum kelas pekerja yang tidak sepadan dengan peningkatan inflasi.

Golongan belia, termasuk graduan institusi pendidikan, sedang menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan yang memberikan gaji yang setimpal dengan kos kehidupan yang sedang meningkat, apatah lagi untuk mendirikan rumah tangga dan keluarga. Semakin ramai daripada mereka sedang terpaksa memilih untuk menjadi mangsa penindasan ekonomi gig dan tidak dilindungi di bawah akta kerja.

Infrastruktur awam seperti hospital kerajaan sedang semakin kehilangan keupayaan untuk memberikan rawatan yang secukupnya kepada para pesakit akibat kekurangan peruntukan daripada kerajaan dan pemotongan bajet. Begitu juga dengan institusi pendidikan awam yang tidak dapat menampung keperluan pendidikan masyarakat umum.

Setakat hari ini, mengambil kira pembentangan belanjawan terbaru, kerajaan Madani tidak mempunyai sebarang solusi untuk memperbaiki keadaan ekonomi

rakyat biasa yang sedang merosot. Sebaliknya para pemodal dan pemilik perniagaan besar sedang menikmati pertumbuhan harta peribadi yang mencerminkan pertumbuhan GDP negara.

SOLUSI POLITIK

Kerajaan Madani juga telah mendedahkan bahawa tidak ada sebarang perbezaan yang ketara di antara pemerintahan mereka dan pemerintahan semua formasi-formasi kerajaan yang pernah memegang kuasa kerajaan sebelum ini. Dari segi polisi ekonomi, kerajaan Madani juga akan berpihak kepada kelas majikan kaya yang mempunyai segala pengaruh terhadap keputusan kerajaan. Manakala kelas pekerja dan rakyat biasa yang bertungkus lumus untuk mewujudkan segala kekayaan negara akan sentiasa diketepikan dan ditindas dengan beban ekonomi yang tidak munasabah.

Ianya sama dengan semua parti-parti politik arus perdana yang menduduki Parlimen pada waktu ini. Semua parti yang ada, dengan formasi yang berbeza, sudah pernah menduduki tampuk pemerintahan kerajaan dan akhirnya telah mengecewakan rakyat.

Oleh itu, sudah tiba masa bagi rakyat untuk menolak semua parti-parti politik yang berpaksaan kepada ekonomi kapitalisme dan kelas kapitalis kaya, dan membina sebuah kepimpinan politik yang berpaksaan kepada kekuasaan dan kesepakatan kelas pekerja. Kelas pekerja yang mengemudi ekonomi negara merupakan kelas yang layak untuk menentukan hala tuju ekonomi dan membuat keputusan yang penting untuk masyarakat, bukannya kelas kapitalis kaya dan golongan majikan yang menindas rakyat biasa.

Kelas pekerja dan golongan tertindas harus menubuhkan parti politik kita sendiri dengan tuntutan-tuntutan yang mampu menyatukan rakyat biasa, dan mencabar kekuasaan politik kelas kapitalis. Tanpa perjuangan yang tersusun oleh kelas pekerja dalam keadaan yang sedar akan kepentingan solusi politik, kelas kapitalis akan terus bermaharajalela dan menghapuskan kehidupan jutaan kehidupan demi mengaut keuntungan dan kemewahan.

Pada 6hb Julai yang lepas, sebuah pilihanraya kecil telah diadakan di Sungai Bakap, Pulau Pinang. Pilihanraya kecil ini diadakan susulan kematian Yang Dipertua PAS Nor Zamri Latif pada 24hb Mei yang lepas. Bekas ADUN PAS ini telah menewaskan calon Pakatan Harapan, Nurhidayah Che Ros pada pilihanraya negeri 2023 dengan jumlah majoriti sebanyak 1,563 undi. Untuk PRK yang baru ini, kita telah menyaksikan kemenangan calon Perikatan Nasional, Abidin Ismail yang telah berjaya mengekalkan kerusi yang disandang oleh arwah Nor Zamri Latif.

Calon Perikatan Nasional telah memenangi hampir 59%, meningkatkan sebanyak 6% daripada PRN sebelumnya. Dari hal ini juga kita dapat menyaksikan peningkatan majoriti undi yang ketara iaitu sebanyak 4,267 undi. Namun pada masa yang sama, peratus pengundi yang turun mengundi adalah rendah – menurun dari 76% ke 63%. Kita dapat lihat juga kadar keterlibatan pengundi yang rendah daripada golongan bukan Melayu, yang sekaligus memberi kesan kepada peningkatan sokongan terhadap sosok perwakilan Perikatan Nasional.

Pelbagai analisis mahupun komen ditulis berkenaan keputusan PRK ini. Contohnya, Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow menggunakan alasan kelemahan naratif ataupun propaganda sebagai punca kekalahan manakala Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli tidak menyatakan sebab musabab kekalahan namun menyalahkan dakwaan rasionalisasi subsidi diesel sebagai punca utama. Menurutnnya lagi, tiada perbezaan yang ketara di dalam undi orang Melayu terhadap PN. Selain mereka berdua, terdapat juga beberapa komentar dan analisis yang ditulis oleh individu-individu yang lain – masing-masing menyajikan sebuah hujah ataupun perspektif yang berbeza-beza.

Pilihanraya di Sungai Bakap merupakan pilihanraya kecil yang kesembilan selepas pilihanraya umum yang lepas. Secara keseluruhan, kita telah menyaksikan pihak pembangkang berjaya memenangi banyak kerusi, malah berjaya menerobos dan merampas beberapa kerusi yang selama ini dipegang oleh Pakatan Harapan, terutamanya kerusi-kerusi yang pernah dipegang oleh parti UMNO sebelum ini. Malah pada pilihanraya umum sebelum ini sekalipun, peratusan undi orang Melayu telah beralih ke pihak pembangkang, khususnya

PRK Sungai Bakap: Harapan atau kekecewaan buat kelas pekerja?

oleh Hayatul Salleh



ke parti PAS. Sokongan yang pernah diberikan oleh orang Melayu kepada Barisan Nasional telah beralih ke pihak pembangkang.

Politik negara tidak terpisah daripada persoalan perpisahan kaum. Sentimen kaum merupakan intipati kepada pembentukan negara kita dan sehingga hari ini, persoalan nasional ini tidak berjaya diselesaikan oleh mana-mana kepimpinan parti politik arus perdana. Kendatipun begitu, tidaklah pula bagi kita untuk meletakkan punca permasalahan yang sedang membelenggu rakyat ketika ini berdasarkan persoalan kaum semata-mata – sebaliknya kita perlu melihat hal yang lebih mendasar sifatnya.

Hal ehwal politik adalah cerminan kepada krisis kehidupan yang sedang membelenggu masyarakat awam – yang majoritinya merupakan kelas pekerja. Kelas pekerja dihipit oleh peningkatan kos sara hidup dan juga penindasan tempat kerja yang semakin teruk. Krisis kehidupan dan sosial seperti isu pengangguran di kalangan

anak muda, kadar gaji yang tidak selaras dengan kos kehidupan dan juga masalah-masalah yang lainnya tetaplah menjadi asas kepada permasalahan politik yang sedang berlaku ketika ini. Ya, hal-hal ini juga seringkali digunakan dan diambil kesempatan oleh wakil-wakil rakyat untuk mendapat habuan undi, namun tidak sama sekali sebuah program dan juga jalan penyelesaian yang tepat diberikan oleh mereka semua.

Hal ini disebabkan oleh ciri-ciri kepimpinan yang diangkat oleh mereka tidak pernah mewakili kepentingan kelas pekerja dan juga masyarakat yang tertindas. Sokongan undi kepada pihak pembangkang merupakan terjemahan kepada kekecewaan kelas pekerja terhadap kerajaan di bawah pimpinan Anwar Ibrahim. Pelaksanaan reformasi yang bermanfaat buat rakyat kebanyakan tidak dapat dilaksanakan secara penuh dan sekaligus, menunjukkan batas-batas kepimpinan di bawah kerajaan Madani ketika ini. Keresahan kelas pekerja tidak berjaya dipulihkan

dan semakin ditindas di bawah situasi ekonomi yang semakin menjunam teruk ini. Walaupun rakyat sedang memberi undi dan sokongan kepada pihak pembangkang, namun ini tidak sama sekali bermakna bahawa merekalah sosok harapan yang dapat menyelesaikan kemelut dan penindasan yang berlaku di kalangan kelas pekerja. Kegagalan ini membuka ruang bagi golongan demagog dan sayap kanan untuk terus menyebarkan lagi sentimen perkauman – meletakkan punca kemudaratan sedia ada ke persoalan perkauman semata-mata. Meningkatnya propaganda rasisme dapat dilihat sebagai salah satu akibat daripada kelemahan kerajaan dan sekaligus mengalihkan permasalahan rakyat daripada punca yang sebenarnya. Namun hal ini juga, tidak bermakna bahawa pihak kerajaan tidak akan berjaya memperoleh sokongan yang dirampas sebelumnya. Rakyat akan bertukar-tukar sokongan, terus-menerus memikirkan alternatif politik yang dapat menyelesaikan masalah yang

membelenggu rakyat. Tetapi malangnya, ketika ini, tiada alternatif yang disediakan oleh kepimpinan arus perdana. Baik pembangkang mahupun kerajaan, kedua-duanya bersekolong sesama sendiri; membolot kelebihan dan kemewahan posisi mereka sambil membakar dan menguatkan sentimen perkauman dan keagamaan untuk kelebihan politik mereka sendiri.

Organisasi kami, Sosialis Alternatif berhujah bahawa ini merupakan permasalahan yang bersifat sistemik – yakni bertunjangkan krisis ekonomi kapitalisme itu sendiri. Ekonomi yang bermotifkan kepentingan golongan mahakaya tidak disentuh dan tidak ditentang oleh ahli-ahli politik kita; kerana sudah terikat dengan habuan dan kemewahan yang diperolehi selama mereka memegang kuasa. Krisis yang sedang kita saksikan ini, bukan hanya berlaku di negara kita tetapi hal ini merupakan ciri-ciri yang berskala global dan sedang menindas kelas pekerja di keseluruhan pelusuk dunia. Kesemua kepimpinan politik sedia ada sedang mengecewakan rakyat dan mengkhianati harapan untuk mendapatkan sebuah kehidupan yang bermaruah.

Sudah tiba masanya buat kelas pekerja, selaku majoriti di negara kita mengangkat kuasa politik yang tersendiri – bebas daripada belenggu golongan mahakaya dan kepentingan majikan yang hanya mementingkan keuntungan mereka semata-mata. Satu-satunya politik yang mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah rakyat adalah politik kelas pekerja. Kemelut dan kemudaratan yang akan meningkat berkali ganda hanya dapat diselesaikan melalui kerjasama sesama kelas pekerja melalui organisasi yang mandiri dan tidak lagi bergantung kepada kepimpinan politik arus perdana. Hanya kekuatan dan penyatuan kelas pekerja dapat menjangkau batas-batas dan perbezaan yang telah memisahkan rakyat kebanyakan selama ini. Kita memerlukan program-program dan juga polisi yang mengutamakan hal ehwal kebajikan kelas pekerja. Program tuntutan kenaikan gaji yang bermaruah dan tuntutan pengagihan kekayaan yang adil untuk memastikan kebajikan kelas pekerja dibela – kesemuanya hanya dapat dimenangi melalui penyusunan kelas pekerja ke dalam sebuah gerakan politik yang utuh.



Telah wujud keterdesakan bagi situasi di Malaysia untuk memulakan sebuah kempen anti rasisme yang berasaskan perjuangan anti kapitalisme dan solidariti berasaskan kelas. Bagi kami rasisme yang wujud di Malaysia merupakan isu yang sistemik. Keterasingan antara kaum terutama di dalam politik dan ekonomi bukan sesuatu yang baru tetapi dapat di jejak kembali asal usul keterasingan ini sejak British mula menapak di Tanah Melayu. Pada hari ini saki baki

bentuk politik yang berasaskan perkauman masih sedang mendominasi politik dalam negara. Kerajaan Madani merupakan kerajaan yang serupa dengan UMNO dan PN yang taat kepada aturan sistem ekonomi kapitalisme iaitu pasaran bebas yang berasaskan keuntungan. Rasisme tidak akan wujud tanpa kapitalisme. Sistem ekonomi yang berasaskan keuntungan ini hidup melalui eksploitasi kelas pekerja dan bertahan dari kebangkitan kelas pekerja

yang bersatu menuntut hak melalui taktik pecah perintah. Oleh itu kami menyeru kepada semua anak muda dan kelas pekerja untuk berjuang membantah agenda rasisme kelas kapitalis melalui perjuangan anti kapitalisme dan solidariti kelas pekerja yang merentasi solidariti antara kaum dan agama. Sistem kapitalisme merupakan punca bagi keparahan yang berlaku dalam masyarakat seperti rasisme, penindasan terhadap wanita dan kemiskinan yang sistemik.

TIADA RASISME TANPA KAPITALISME.

AYUH BINA PERJUANGAN!

SERTAI KAMI.

ywar.malaysia@gmail.com

Tarikh 15hb Julai 2023 menjadi titik permulaan bagi Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) dan juga Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk bekerjasama di dalam pilihanraya. Berikutan daripada hal ini juga, usaha dan juga inisiatif untuk membina 'kuasa ketiga' sebagai sebuah politik alternatif terhadap pilihan-pilihan koalisi sedia ada mulai dibincangkan dan dilaksanakan. Kita dapat lihat bagaimana kedua-dua parti ini membuat keputusan bersama dalam hal politik – sepertimana penentangan bersama oleh kedua-dua parti terhadap Akta Hasutan dan juga keputusan bersama di dalam persoalan pengagihan kawasan di dalam pilihanraya. Tindakan kerjasama ini juga telah menjurus kepada tindakan pengukuhan ideologi, terutamanya untuk MUDA yang baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa mereka mengangkat ideologi Demokrasi Sosial sebagai asas perjuangan parti tersebut.

Pada Kongres PSM yang diadakan pada hujung bulan Julai yang lepas, sosok kepimpinan MUDA juga turut hadir bersama sebagai tanda sokongan kepada perjuangan PSM selama ini. Maka semakin jelaslah bahawa sebuah kesepakatan sedang dibentuk dan kerjasama ini akan memainkan peranan yang penting dalam arena politik tempatan dalam masa yang akan datang. Pembinaan koalisi politik 'ketiga' ini adalah untuk memberikan sebuah alternatif kepada naratif politik arus perdana yang semakin lelah dan berkecamuk; yang sekaligus menimbulkan rasa skeptikal dan rasa kejemuan yang melampau di kalangan rakyat. Krisis politik mendedahkan kemuflian politik kelas penguasa, yakni politik kelas borjuasi yang mengutamakan kepentingan golongan mahakaya dan sibuk mengumpulkan kekayaan di kalangan mereka sahaja. Justeru, terlahirlah sebuah usaha dan kerjasama koalisi alternatif ini. Namun pada masa yang sama, tindakan kerjasama ini juga perlu difahami secara kritikal dan memberi pertimbangan yang sebaiknya – baik dari segi kelemahan dan juga prospek yang dapat kita fikirkan terlebih dahulu.

KRISIS EKONOMI DAN PERPECAHAN POLITIK

Situasi politik ketika ini adalah berlatarbelakangkan krisis ekonomi yang baru – hasil daripada ketidakmampuan kelas kapitalis untuk menyelesaikan masalah-masalah ekonomi yang sebelumnya. Kita berada di titik perubahan sejarah di mana Barisan Nasional yang telah memegang kuasa semenjak kemerdekaan telah tumbang dan kehilangan sokongan rakyat; digantikan pula dengan kerajaan Pakatan Harapan. Kemudian di bawah pimpinan Mahathir, kestabilan yang dibina tidak berjaya untuk kekal lama dan berlaku pula perpecahan dalaman di kalangan mereka dan melalui insiden Langkah Sheraton, hal ini kemudiannya menjurus kepada pengambil alihan kuasa oleh Muhyiddin Yassin. Pakatan Harapan merupakan sebuah koalisi yang merangkumi pelbagai parti yang secara oportunistik, hanya bergabung tenaga

MUDA dan PSM: Kuasa Ketiga Sebagai Alternatif?

oleh Hayatul Salleh

untuk menjatuhkan Barisan Nasional dan Perdana Menteri Najib ketika itu. Selebihnya, tidak ada program mahupun perspektif yang utuh sesama mereka untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Pandemik Covid 19 memainkan peranan untuk mempercepatkan kemerosotan yang sedang berlaku di kalangan pimpinan borjuis nasional. Secepat mana Muhyiddin mendapat kuasa, secepat itu jugalah takhtanya diturunkan. Situasi politik yang berkecamuk dan ketidakstabilan yang diteruskan lagi oleh tragedi pandemik memberi peluang untuk Anwar Ibrahim mengambil pimpinan kerajaan pada PRU yang lepas.

Kecamukan dan keributan yang berlaku ini telah memualkan rakyat kebanyakan. Krisis politik mendedahkan kemuflian dan ketamakan pihak penguasa untuk berpaut kepada kuasa sedia ada. Berlatarbelakangkan hal inilah sebuah keinginan politik alternatif mulai dibincangkan oleh parti-parti politik yang lebih kecil – sebagai sebuah harapan untuk mengangkat politik yang dilihat sebagai progresif; berbeza daripada gerak kerja parti-parti politik elit arus perdana.

REFORMASI DAN DILEMA KEPIMPINAN DEMOKRASI SOSIAL

Pembinaan 'Kuasa Ketiga' sebagai sebuah kuasa alternatif dan progresif tidak dapat dibina seutuhnya jika tiadanya objektif untuk mendedahkan kelemahan dan ketidakmampuan kepimpinan politik sedia ada. Ciri-ciri sebuah parti politik ditentukan oleh kepentingan kelas yang diangkat oleh mereka dan tidak ada bezan-

ya jika pembinaan kuasa ketiga ini tidak mempunyai pendirian yang jelas akan hal ini. Justeru persoalan kelas menjadi lebih getir untuk pembinaan sebuah kuasa ketiga – sebagai alternatif yang dapat memisahkan dan mendedahkan percanggahan kepentingan hala tuju yang diangkat oleh parti-parti utama ketika ini. Persoalan dan objektif bagi sesebuah parti yang berteraskan idea-idea Marxis dan Sosialisme – tidak dapat tidak, perlu dihubungkan dengan matlamat utama yakni dengan menjelaskan dan menyediakan sebuah program yang jelas akan keperluan untuk membina sebuah kuasa politik mandiri yang dapat menjatuhkan kapitalisme dan digantikan dengan sosialisme.

Namun malangnya, kedua-dua MUDA dan juga PSM – yang seringkali mengguna pakai kata 'marhaen' dan juga 'rakyat', masih berlingkar dalam kesamaran program dan ketiadaan hala tuju yang jelas. Kepimpinan parti yang bertaut pada kata 'sosialisme' dan juga 'demokrasi sosial' ini tidak meletakkan keutamaan kelas pekerja sebagai kuasa yang dapat menjadi tulang belakang kepada pembinaan kuasa ketiga itu sendiri. Walaupun baru-baru ini, salah satu ahli Jawatankuasa Pusat PSM ada mengeluarkan kenyataan akan keperluan untuk meletakkan sebuah pendirian yang jelas terhadap idea-idea sosialis – namun ini tidak dapat menjamin apa-apa hasil yang memuaskan, disebabkan proses kerjasama yang telah dibina ini tidak pula dipersetujui atas dasar dan objektif untuk menjatuhkan kapitalisme dan membina sebuah gerakan revolusioner; sebaliknya hanya atas persetujuan kerjasama pilihanraya. Malah perspek-

tif politik yang membincangkan perihalan kepentingan kelas pekerja dan strategi pembinaan kuasa politik massa pula terlalu langka dan tidak konsisten. Jika tiadanya perbincangan perihalan sosialisme mahupun kepentingan untuk melaksanakan perubahan yang sistemik – bukannya koalisi ini adalah sebuah koalisi reformis; sekadar mengimpikan sebuah demokrasi borjuis, tanpa mengajukan sebuah perubahan sosialisme yang meletakkan kuasa politik dan ekonomi di bawah kawalan pekerja secara demokratik?

KE ARAH PEMBINAAN POLITIK KELAS PEKERJA YANG MANDIRI

Justeru persoalan akan pembinaan sebuah kuasa politik yang dapat membimbing pembinaan politik 'Kuasa Ketiga' masih belum jelas dari segi perspektif dan juga programnya. Ketika situasi di mana kepimpinan politik arus perdana terus melaksanakan polisi yang menindas kelas pekerja – tidak ada alternatif yang memisahkan dan meletakkan program yang jelas dalam pembinaan politik kelas pekerja, mengambil pendirian yang jelas menentang aturan sistem kapitalisme dan juga politik demokrasi kelas borjuis. Krisis kapitalisme yang semakin berlanjutan ini hanya dapat diselesaikan melalui penyusunan kelas pekerja ke dalam sebuah gerakan politik yang dapat mengangkat kekuatan kelas dan sekaligus, meningkatkan kesedaran bersejarah mereka. Proses ini akan kemampuan kelas pekerja untuk mengubah dan menyusun semula aturan masyarakat kepada masyarakat yang lebih bermaruah dan tidak lagi mengangkat

motif keuntungan yang semakin membinasakan masyarakat ketika ini. Bersenjatakan Marxisme, perjuangan pembinaan politik kelas pekerja yang mandiri dapat mencapai matlamat bersejarahnya – yakni dengan membina sebuah negara pekerja yang mampu membebaskan majoriti rakyat tertindas.

Kita perlu mengambil iktibar daripada penubuhan koalisi-koalisi di seluruh dunia yang kononnya ingin membawa sebuah alternatif terhadap kepimpinan politik sedia ada, tetapi gagal dalam memberi sebuah jalan penyelesaian yang tepat dan akhirnya mengkhianati sokongan dan aspirasi rakyat. Ini disebabkan ketidakjelasan perspektif tentang kuasa sosial yang manakah dapat menjamin perubahan yang benar-benar bermanfaat buat rakyat. Pihak kepimpinan PSM yang menepuk dada membawa panji sosialisme seharusnya mengambil pengajaran daripada kegagalan gerakan rakyat jelata yang dipimpin oleh organisasi kiri yang populis seperti PODEMOS, SYRIZA dan begitu juga sokongan terhadap Jeremy Corbyn dan Bernie Sanders – yang pada akhirnya mendedahkan kemuflian dan kelemahan untuk menuju ke jalan penyelesaian yang sebetulnya dan bersekolong dan menyerah kalah kepada tekanan kuasa kapitalis dan perwakilan borjuis mereka. Tidak mustahil, kegagalan kepimpinan politik sedia ada untuk menyelesaikan masalah rakyat akan memberi peluang buat 'Kuasa Ketiga' untuk meraih sokongan rakyat dan akan dilihat sebagai sebuah alternatif yang perlu diberi peluang untuk menyelesaikan masalah rakyat. Namun, tanpa sebuah perspektif dan pemahaman yang jelas akan cara untuk menumbangkan kapitalisme; tanpa meningkatkan kesedaran kelas pekerja dan memberikan keutamaan untuk membina kuasa politik yang baru – pembinaan koalisi ini akhirnya akan menjurus ke dalam lembah reformisme yang akhirnya hanya akan mengkhianati harapan rakyat.



BRICS: Imperialisme yang terselindung atau laluan ke pembangunan yang lebih adil untuk Malaysia?

oleh Ameena

BRICS, akronim untuk Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan, pada asalnya dilancarkan sebagai BRIC pada 2009 dan berkembang menjadi BRICS pada tahun 2010 apabila Afrika Selatan menyertainya. Berbeza dengan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), BRICS beroperasi tanpa piagam rasmi ataupun sekretariat dan berfungsi lebih sebagai sebuah gabungan tidak formal bagi mencabar perintah dunia yang dikuasai oleh Amerika Syarikat (AS) dan sekutu Baratnya. Pada Januari 2024, BRICS mengembangkan keahliannya untuk merangkumi lebih banyak negara seperti Mesir, Ethiopia, Iran dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), dengan kemungkinan penyertaan

dari negara-negara yang lain pada masa hadapan. Secara kolektif, negara-negara ini mewakili kira-kira 45 peratus daripada keseluruhan penduduk dunia.

Anwar melihat penyertaan dalam BRICS sebagai peluang untuk turut terlibat di dalam multilateralisme yang semakin meningkat dan menyokong susunan dunia multipolar daripada terjerat di dalam Perang Dingin baharu yang berpusat pada persaingan AS-China. Walaupun benar bahawa ekonomi global semakin berpecah kepada dua blok yang bersaing disebabkan oleh persaingan ekonomi AS-China yang semakin sengit, adalah terlalu mudah untuk melihat dunia sebagai terbahagi semata-mata antara kuasa imperi-

alis seperti AS, Eropah, dan Jepun di satu pihak, dan dan sekumpulan negara miskin dan kurang membangun, termasuk Malaysia, di pihak lain. Pandangan ini mencadangkan bahawa negara-negara ini sepenuhnya tunduk kepada dan bergantung kepada kuasa-kuasa imperialis utama, terutamanya AS, dan oleh itu, mereka tidak boleh dianggap sebagai imperialis sendiri. Namun, pandangan sebegini adalah berbahaya dan tersasar daripada realiti yang sebenar. Bolehkah kita benar-benar menyamakan Malaysia dengan negara-negara seperti Rusia dan China? Bolehkah sesiapa berhujah dengan serius bahawa ciri-ciri imperialisme—pertumbuhan monopoli, penguasaan modal kewangan, ek-

sport modal, penglibatan dalam persatuan antarabangsa, dan kelaparan untuk pasaran baharu—tidak terpakai kepada kapitalisme Rusia atau China hari ini?

Pengakuan akan cita-cita imperialis Rusia dan China tidak akan mengubah realiti bahawa kerajaan AS kekal sebagai kuasa yang paling agresif di pentas global. Inilah sebabnya kami menentang imperialisme AS dengan tegas. Selama 30 tahun AS telah mengebom dan menyerang Somalia, Sudan, Yugoslavia, Afghanistan, Iraq, Libya dan Syria. Apa yang telah kami sebutkan ini hanyalah sebahagian daripada polisi dan tindakan AS—terdapat juga banyak contoh campuran, pemerasan, sekatan, rampasan kuasa dan 'revolusi warna' yang direka oleh AS dalam tempoh ini. Penjelasan ini tidak sesekali bermakna bahawa secara semula jadinya, AS merupakan sebuah negara yang jahat; tetapi perihalan perannya sebagai kuasa kapitalis utama dan bertindak sebagai kuasa imperialis yang paling dominan di dunia. Dan dari kita jelaskan: jika negara lain ingin mendaki ke puncak kekuasaan yang sama, ia mungkin akan mengikuti jalan yang sama, iaitu sebagai sebuah kuasa pemusnah. Kenapa? Kerana tingkah laku imperialis didorong oleh dinamika kapitalisme yang kejam dan bukannya disebabkan oleh pilihan moral negara.

Penyokong BRICS sering mendakwa ia akan membawa "pembangunan yang lebih adil," tetapi mari kita hadapi realitinya—apa yang sebenarnya berlaku adalah perang dagang berskala besar di antara AS dan China. Kita bercakap tentang tarif, sekatan, dan had ke atas teknologi canggih. Proteksionisme yang semakin memuncak ini pada dasarnya adalah serangan langsung terhadap perdagangan global kerana setiap negara sedang berusaha untuk mengeksport krisis mereka kepada negara jiran mereka. Dan siapa yang akan membayar untuk ini? Kelas pekerja! Memandangkan kos untuk rantaian bekalan dan pengeluaran melambung tinggi, orang biasalah yang akan membayar harganya. Katakanlah ahli BRICS dapat memperoleh lebih banyak kuasa perdagangan atau mengurangkan ketergantungan mereka kepada institusi kewangan

yang dikuasai Barat melalui apa yang dipanggil dedolarisasi, ianya hanya akan mencipta lebih banyak kekayaan dalam masyarakat 'berasaskan kepentingan kelas' dan secara jelas bagaimana hal ini tidak akan membawa kepada pengalihan pendapatan yang lebih adil secara automatik. Ini terutamanya benar memandangkan kelas pemerintah negara BRICS sebenarnya tidak mengambil berat tentang "pembangunan yang lebih adil." Sama seperti kelas pemerintah di setiap negara kapitalis, pemimpin BRICS—sama ada dari Iran, Mesir, Brazil, Arab Saudi, Rusia, atau China—secara khususnya tertumpu untuk mendapatkan bahagian perdagangan dan pembangunan dunia yang lebih besar untuk kelas mereka sendiri. Mereka tidak berminat untuk mengangkat kepentingan kelas pekerja; agenda tunggal mereka adalah untuk melindungi dan mengembangkan kuasa dan kekayaan mereka sendiri. Meletakkan pertaruhan pada mereka untuk sebuah pembangunan yang lebih adil bukan sahaja tidak realistik; malah ianya merupakan pengalihan perhatian daripada laluan sebenar menuju kemajuan, yang sebenar-benarnya terletak di tangan kelas pekerja sahaja.

"Pembangunan yang lebih adil" hanya dapat dilaksanakan melalui perjuangan kelas yang aktif dan tekad, di mana kelas pekerja bangkit dan menentang sistem kapitalis yang menyemarakkan ketidaksetaraan dan eksploitasi. Perjuangan ini mesti membawa kepada penguasaan kuasa politik dan ekonomi oleh kelas pekerja, membongkar struktur dominasi kapitalis yang sedia ada dan menggantikannya dengan sistem yang memenuhi keperluan ramai, bukan kepentingan segelintir yang berteraskan keuntungan. Hanya dengan menukar kelas pemerintah dan membina masyarakat di mana sumber dikongsi dan diuruskan secara kolektif dapatkah kita membuka kunci keadilan dan kesaksamaan yang tulen dalam pembangunan global.



Penswastaan MAHB: Serangan kapitalis terhadap kelas pekerja

oleh Hayatul Salleh

Pada Mac 15 yang lepas syarikat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga Khazanah telah membentuk sebuah konsortium yang bernama Gateway Development Alliance (GDA). Penubuhan konsortium ini bertujuan untuk menswastakan syarikat pengurusan lapangan terbang Malaysian Airports Holding Berhad. Terdapat dua syarikat luar yang turut terlibat di dalam konsortium ini,

iaitu syarikat Global Infrastructure Partners dan syarikat pelaburan dari Abu Dhabi (ADIA). Astro Awani melaporkan penswastaan MAHB adalah untuk menambah baik infrastruktur lapangan terbang negara, memastikan pertumbuhan mampan dalam jangka panjang dan juga perkhidmatan yang lebih baik untuk para penumpang dan syarikat penerbangan. MAHB merupakan syarikat yang telah

ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1991 setelah Parlimen Malaysia meluluskan sebuah akta yang memisahkan Jabatan Penerbangan Awam kepada dua entiti yang berbeza, di mana MAHB bertanggungjawab untuk melakukan servis penyelenggaraan lapangan terbang di keseluruhan negara. MAHB merupakan salah satu aset negara paling baru yang ingin diswastakan oleh pihak kera-

jaan dan merangkumi seramai sepuluh ribu pekerja.

Agenda penswastaan merupakan sebuah polisi yang telah dilaksanakan dari era Mahathir lagi. Polisi ini merupakan intipati utama kepada era neoliberalisme. Di seluruh dunia, aset-aset yang dimiliki oleh negara telah diambil dan halatujunya ditentukan oleh pemegang saham dan diatur mengikut model syarikat-syarikat perniagaan swasta. Margaret Thatcher, Perdana Menteri dari UK dan juga Ronald Reagan, Presiden dari Amerika Syarikat juga merupakan dua sosok utama yang turut menjalankan proses penswastaan di negara masing-masing. Aset-aset dan juga infrastruktur negara tidak lagi dijalankan mengikut keperluan rakyat, sebaliknya dijalankan mengikut kepentingan pasaran dan keuntungan yang da-

pat diperolehi.

Walaupun alasan dan sebab musabab yang diberikan oleh pihak kerajaan adalah untuk memastikan syarikat dapat berdaya saing di pasaran, namun di sudut yang lain pula, dapat juga kita berhujah bagaimana terlalu banyak hal kemudaratannya yang terhasil berikutan impak penswastaan ini. Di bawah era neoliberalisme, penswastaan merupakan senjata utama yang digunakan oleh kelas kapitalis untuk menyerang kelas pekerja. Contohnya, berikutan tentangan kesatuan sekerja Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) pada lewat 1970-an, kerajaan telah menggunakan Akta Hasutan bagi menangkapi kepimpinan kesatuan. Kemudiannya Akta Buruh dan polisi yang berhubungan dengan

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari muka surat 4

pekerja semakin diketatkan bagi memastikan kesinambungan proses penswastan dapat dijalankan secara lancar tanpa mana-mana tentangan dari kelas pekerja. Impak daripada hal ini, jumlah keahlian kesatuan mulai turun secara mendadak.

Penswastan merupakan peluang buat kelas penguasa untuk terus mengaut keuntungan sambil penindasan kelas pekerja dirancarkan lagi. Keuntungan menjadi logik utama buat kelas kapitalis dan kelas penguasa. Temuramah yang dijalankan oleh Astro Awani terhadap pemimpin-pemimpin MAHB hanya menyajikan sebuah ilusi bahawa hal ini bermanfaat buat negara – sebaliknya hal yang bertentangan lah yang berlaku, manfaat negara yang dimaksudkan tidak lain dan tidak bukan adalah manfaat buat kelas kapitalis dan bukannya buat kelas pekerja. Tambahan lagi, terdapat juga tentangan daripada rakyat dan juga ahli politik pembangkang yang menentang proses penswastan ini kerana keterlibatan salah satu syarikat di dalam konsortium ini, yakni GIP yang sebahagian besarnya dimiliki oleh syarikat Blackrock – sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan di dalam Israel.

Hipokrisi pimpinan kerajaan Anwar Ibrahim terdedah apabila tiada tentangan yang diberikan secara langsung walaupun terdapat ketidakpuasan yang jelas di kalangan rakyat. Walaupun hal ini turut diangkat oleh pihak pem-



bangkang, harus juga ditekankan dan didedahkan bagaimana pihak pembangkang menggunakan isu ini untuk kelebihan politik mereka semata-mata. Mereka tidak menentang proses penswastan tetapi hanya menentang syarikat Blackrock tersebut. Malah kedua-dua kepimpinan koalisi, baik pembangkang mahupun pihak kerajaan merupakan pendukung ideologi neo-liberalisme yang merasakan tiada masalah dengan proses penswastan tersebut. Hakikatnya persoalan seperti keterlibatan Blackrock dan juga proses penswastan ini merupakan sebahagian daripada gerak daya sistem kapitalisme itu sendiri. Penentangan terhadap Blackrock perlu bergerak seiring dengan penentangan ter-

hadap penswastan dan memerlukan sebuah pendirian yang jelas menentang sistem kapitalisme itu sendiri. Namun hal ini merupakan hal yang tidak mampu dilakukan oleh mana-mana kepimpinan politik sedia ada – kerana mereka juga, pada masa yang sama, mendapat habuan daripada sistem kapitalisme ini. Hanya kelas pekerja, bersatu menyusun kekuatan mereka ke dalam gerakan politik sajalah yang dapat menyelesaikan masalah ini.

Organisasi kami menyeru kepada kelas pekerja, terutamanya yang berjuang di bawah Kesatuan Kesatuan Pekerja-Pekerja Malaysia Airports Semenanjung, Sabah dan Labuan serta Sarawak (KESMA, KEPEMAB & KEPMAS) bersatu

tenaga dan menyusun strategi dalam menentang proses penswastan yang bakal berlangsung ini. Sebuah jawatankuasa bertindak perlu ditubuhkan di setiap sektor dan jabatan bagi membincangkan strategi, polisi dan program bagi menentang tindakan penswastan oleh pihak kerajaan. Penswastan MAHB akan memberi impak yang negatif kepada ribuan pekerja di dalam sektor ini.

Kelas pekerja yang tersusun di dalam organisasi kesatuan mempunyai kekuatan untuk menentang penindasan yang dilakukan oleh kelas kapitalis dan perwakilannya di dalam kerajaan sedia ada. Tidak lupa juga, bagaimana perjuangan ini juga perlu dilanjutkan dan dikukuhkan – dengan men-

untut bahawa aset dan juga khazanah negara ini dimiliki oleh rakyat dan dikawal selia melalui kawalan demokratik di kalangan kelas pekerja di dalam industri ini. Solidariti dan kerjasama di kalangan pekerja yang berjuang di dalam kesatuan sekerja perlu bergerak seiring dengan sokongan daripada pekerja di kesatuan lain, lebih meluas dalam jaringan nasional dan turut menyokong perjuangan bagi menyelamatkan aset negara sedia ada. Segala tentangan yang dilaungkan oleh pihak kelas atasan – hanya mewakili kepentingan politik mereka semata-mata. Ianya tidak berhubung dengan penindasan yang lebih teruk, yang bakal dialami oleh pekerja di dalam sektor ini. Namun ini memerlukan sebuah kepimpinan yang sedar akan keperluan untuk menyusun perjuangan menentang bukan hanya tindakan penswastan oleh kerajaan, tetapi juga sedar akan perlunya mengangkat perjuangan dengan lebih tinggi – yakni menuju ke arah perubahan yang lebih besar sifatnya; ke arah perubahan yang lebih sistemik dan menjangkau kapitalisme yang semakin membusuk ketika ini.

Setelah penantian lebih 10 tahun, gaji penjawat awam telah diumumkan peningkatan kira-kira 7% ke 15%. Tetapi persoalan yang membelenggu rakyat biasa dan kelas pekerja adalah mengapa penjawat awam sahaja? Bagaimana pula dengan pekerja-pekerja swasta dan pekerja tidak formal yang turut menjadi nadi dan tulang belakang ekonomi negara? Apakah sumbangan mereka tidak sebaik penjawat awam?

Bagi kami Solidariti Pekerja, ini merupakan 'kemampuan' yang wujud dalam sistem kapitalisme kerana persoalan peningkatan gaji ini ditentukan oleh kerajaan yang dikongkong segelintir elit kapitalis, dan mereka sebenarnya taat kepada kuasa pasaran bebas.

Oleh itu tidak hairanlah penantian mengambil masa lebih 10 tahun dan tidak mengambil kira semua pekerja yang turut merasai keterikan ekonomi yang semakin mencabar. Mereka menggunakan isu seperti kenaikan harga barang dan risiko pekedai kecil untuk menutup perniagaan kerana tidak mampu untuk menggajikan pekerja.

Alasan-alasan ini sebenarnya tidak berasas dan merupakan naratif untuk terus mengeksploit tenaga pekerja semaksimal mungkin. Elemen persaingan dalam pasaran bebas untuk merebut pembeli untuk membeli produk atau mendapatkan servis akan meregulasi harga barangan supaya tidak terlalu mahal untuk dijual. Termasuk dalam isu peniaga ke-

cil yang terpaksa menutup perniagaan kerana tidak mampu untuk membayar pekerja. Kajian demi kajian telah menunjukkan peningkatan gaji minima akan meningkatkan kuasa membeli di kalangan rakyat biasa dan pekerja. Pekerja dan rakyat biasa akan berbelanja dengan peniaga kecil terutama di sekitar kawasan perumahan seperti kedai runcit kerana lebih praktikal berbanding pasaraya besar. Justeru realitinya peningkatan gaji minima bukan saja menguntungkan pekerja tetapi juga peniaga kecil.

Isu peningkatan gaji sememangnya isu yang amat penting bagi semua pekerja dan rakyat biasa. Ia menjadi asas bagi kemampunan ekonomi negara. Rakyat yang mempunyai kuasa membeli akan membantu negara dari segi menambah pendapatan ekonomi negara, sekali gus memberikan impak yang lebih baik dari segi sosial. Malangnya ini bukan perspektif kerajaan hari ini yang taat kepada sistem kapitalisme.

Peningkatan gaji minima bagi mereka akan menyebabkan syarikat-syarikat untuk menutup perniagaan dalam negara dan berpindah ke negara lain untuk mendapatkan pekerja dengan upah lebih murah.

Begitulah lumrah perniagaan dalam pasaran bebas yang sentiasa mengalami situasi turun naik dalam keuntungan. Seperti syarikat TESLA yang sepatutnya membuka operasi dalam negara tetapi membatalkannya kerana tidak

mampu untuk bersaing dengan syarikat kenderaan EV daripada China. Termasuk penutupan syarikat Goodyear yang telah bertapak sejak tahun 1908 lagi telah mengalami banyak kerugian sejak awal tahun 2000. Yang pada awal operasi, kilang memiliki lebih 70,000 pekerja dan hanya tinggal 550 pekerja sahaja pada ketika syarikat menutup kilang.

Peningkatan dan penyelarasan gaji minima mengikut kadar inflasi sedang dihambat di dalam sistem kapitalisme yang hanya menguntungkan segelintir kelas kapitalis. Rakyat sentiasa di anak tirikan dan kehendak kelas kapitalis sentiasa menjadi keutamaan dalam sistem ini.

Madah berhelah kerajaan tentang kerugian ekonomi akibat pandemik, realitinya gaji CEO seperti syarikat GLC sedang menikmati gaji yang jauh lebih besar dari pekerja biasa dengan nisbah gaji sebanyak 141 kali lebih tinggi pada tahun 2019 jika dibandingkan pada tahun 2010 iaitu sebanyak 98. Bermakna jika pekerja biasa mendapat RM 1 gaji bulanan, CEO pula

menikmati RM 141 sebulan.

Kajian semula penyelarasan gaji minimum untuk swasta yang meliputi kebanyakan jumlah pekerja dalam negara sebenarnya perlu dilakukan dua kali setahun. Malah menurut presiden kesatuan MTUC Mohd Effendy Abdul Ghani berkata dalam siri perbincangan Awani Dialog Poket Rakyat: "Sudah sampai masanya kita tidak lagi bergantung kepada kajian gaji minimum dua tahun sekali sahaja. Kerajaan mungkin perlu lakukan reformasi untuk ubah mekanisme penentuan gaji minimum tersebut. Tidak mungkin kita boleh tunggu dua tahun sekali. Kita lihat kos sara hidup makin lama makin naik, bahkan lebih cepat daripada kenaikan gaji."

Oleh itu perjuangan gaji minima juga harus seiring dengan perjuangan merebut kuasa politik kelas pekerja untuk mempertahankan hak kos sara hidup yang bermaruah. Gaji rakyat harus diselesaikan oleh rakyat bukan kelas majikan dan kelas kapitalis.

Kami menyeru kepada kelas pekerja dan kesatuan sekerja swas-

ta juga penjawat awam untuk turut berjuang bersama menuntut gaji yang bermaruah untuk kehidupan yang lebih lestari. Sertai kesatuan di tempat kerja anda atau bina kesatuan dan bawa tuntutan gaji minima.

Kuasa pekerja yang tersusun adalah kuasa yang cukup padu untuk membanteras agenda eksploitasi kelas majikan dan kapitalis.

**AYUH BINA PERJUANGAN
MENUNTUT GAJI YANG
BERMARUAH!**

Peningkatan Gaji Penjawat Awam

oleh Shaqirah Shauqi

Keadilan buat Zayn Rayn dan kanak-kanak OKU yang menjadi mangsa pengabaian

oleh Ramlah Long



Hakikat menjaga kanak-kanak susu dan lampin, tetapi tempat tinggal dan kawasan perumahan yang selamat, makanan yang berzat, pendidikan yang berkualiti, dan individu dewasa seperti ibu bapa dan guru sebagai pendidik, pendorong, dan tempat bergantung emosi. Bukan semua kanak-kanak dapat menikmati keperluan asas ini. Realiti kehidupan dalam masyarakat yang bergantung dengan pasaran bebas untuk mendapatkan keperluan menyebabkan kebanyakan kanak-kanak dari latar belakang ekonomi sosial yang lebih rendah tidak mempunyai akses atau kemampuan ekonomi untuk mendapatkan keperluan seperti pendidikan berkualiti.

Juga tidak adil untuk menuduh ibu bapa sebagai tidak bertanggung jawab kerana mengabaikan anak-anak, sedangkan kebanyakan ibu bapa tergolong dalam kategori B40. Golongan ini sedang hidup dengan gaji yang tidak seiring dengan kadar inflasi. Kehidupan ini menyebabkan kebanyakan suami dan isteri terpaksa bekerja untuk menampung perbelanjaan isi rumah. Oleh itu, masa untuk mendidik anak-anak dan menimba ilmu keibubapaan juga terpaksa dikorbankan. Ditambah lagi dengan isu keselamatan dan infrastruktur di kawasan perumahan kos rendah yang jarang mendapat perhatian wakil rakyat dan peruntukan hanya kunjung tiba bila musim pilihanraya.

Pengabaian terhadap penjagaan kanak-kanak merupakan gejala dalam masyarakat kapitalisme. Iaitu sebuah sistem ekonomi dan politik yang berasaskan motif keuntungan dan hanya memenangkan segelintir. Sebuah alternatif terhadap susun atur masyarakat yang lebih prihatin, dan selamat

untuk didiami semua kanak-kanak harus dibina semula melalui keterlibatan semua masyarakat biasa terutama kelas pekerja secara demokratik.

TUNTUT PEMBELAAN UNTUK ZAYN RAYYAN DAN SEMUA KANAK-KANAK YANG MENJADI MANGSA DALAM SISTEM KAPITALISME!

Kes pengabaian terhadap kanak-kanak OKU Zayn Rayn sehingga menyebabkan kematiannya merupakan kes yang cukup meruntun dan pastinya si pelaku merupakan individu zalim dan tidak berperikemanusiaan. Setiap masyarakat yang mendengar berita ini menuntut hukuman yang setimpal terhadap pelaku. Masyarakat tidak mahu kejadian ini berulang sama sekali. Tetapi apakah kita berpuas hati dengan keadilan terhadap kematian Zayn Rayn diputuskan dengan menghukum beberapa individu saja? Apakah dengan cara ini dapat membendung pengabaian dan memastikan keselamatan semua kanak-kanak yang lain, terutama kanak-kanak dari keluarga B40 terjamin selepas ini?

Kes-kes pengabaian yang ekstrim sehingga menyebabkan kematian, atau kecederaan teruk seperti kes Zayn Rayn bukan kes yang baru. Meskipun pengabaian terperam dalam bentuk yang berbeza, masing-masing mempunyai akar yang sama iaitu susun atur masyarakat kapitalisme yang menganggap penjagaan anak-anak adalah tanggungjawab isi rumah secara peribadi, di samping undang-undang mahkamah yang birokratik dan tidak mengambil kira perubahan-perubahan yang sepatutnya untuk mencegah pengabaian terhadap kanak-kanak.

langkah yang harus dimulakan, namun usaha ini pasti akan melau halangan. Kelas kapitalis tidak akan sewenang-wenangnya memberikan 'kelebihan' kepada rakyat biasa jika ia tidak menguntungkan kelas mereka. Dan tentunya tuntutan-tuntutan yang berasaskan pemilikan awam yang didanai sepenuhnya kerajaan seperti pusat jagaan kanak-kanak, pusat aktiviti dan sosial serta servis kesihatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan adalah sesuatu yang bertentangan dari agenda kelas kapitalis iaitu keuntungan. Oleh itu, berjuang untuk kebajikan kanak-kanak turut memerlukan perjuangan kuasa kelas pekerja dan masyarakat yang tersusun.

BINA PERJUANGAN BAGI SEBUAH MASYARAKAT YANG LEBIH PRIHATIN

Di Rusia pada tahun 1917, selepas perang dunia pertama, ribuan kanak-kanak telah menjadi yatim piatu. Kemiskinan dan kebuluran membelenggu Rusia yang mundur pada waktu itu, menyebabkan kanak-kanak yatim ini menjadi antara golongan yang paling terdedah kepada risiko. Kerajaan kelas pekerja iaitu Soviet di bawah pimpinan Lenin dan Trotsky pada waktu itu telah mengambil kepimpinan untuk membela nasib kanak-kanak terabai ini dengan melaksanakan program-program yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Misalnya kantin komuniti, asrama, pusat asuhan kanak-kanak, klinik komuniti, termasuklah sistem kesihatan yang cukup progresif.

Soviet bukan saja menyediakan perkhidmatan kesihatan percuma kepada rakyat Rusia, tetapi juga menanggung pengajian pakar-pakar kesihatan. Usaha ini turut

Melalui perspektif ini, siasatan dan perintah hukuman terhadap pengabaian kanak-kanak bukan saja harus dijalankan ke atas beberapa individu, tetapi setiap keadilan dan syarat yang mendorong pengabaian terhadap kanak-kanak harus disiasat dan diperbaiki. Misalnya faktor beban tanggungan isi rumah, tekanan di tempat kerja, isu perumahan dan tempat tinggal, serta kecukupan kanak-kanak mendapat akses pendidikan, juga rawatan seperti terapi tingkah laku dan fizikal.

Sementara undang-undang mahkamah sedia ada dapat memberikan sedikit rasa selamat dan keteraturan dalam masyarakat, tetapi penguatkuasaan terhadap undang-undang institusi keluarga untuk menyelesaikan isu pengabaian terhadap kanak-kanak tanpa mengambil kira faktor ekonomi sosial hanya akan menyebabkan kanak-kanak lebih terasing dari masyarakat. Sedangkan tanggungjawab melindungi kanak-kanak adalah tanggungjawab sosial yang patut dipikul bersama. Seperti yang pernah disebut oleh Mitchell Garabedian, seorang peguam kanak-kanak di Amerika yang terkenal dengan kerjanya mewakili mangsa-mangsa penderaan seksual berkata: "Kita perlukan satu kampung untuk membesarkan seorang anak, ini juga bermakna satu kampung juga diperlukan untuk mendera mereka."

Adalah mustahil bagi sebuah keluarga untuk mengambil tanggungjawab sepenuhnya menjaga anak-anak tanpa sokongan komuniti dan masyarakat. Proses membesarkan kanak-kanak memerlukan mereka untuk bersosial, bermain, dan meneroka. Ibu bapa perlu tahu perkembangan ini dan tidak semuanya dapat diperhatikan. Persoalan seperti apakah aktiviti di sekolah, dengan siapa mereka berkawan di taman permainan, komuniti yang prihatin terhadap kanak-kanak pasti tidak akan membiarkan kanak-kanak terdedah kepada situasi berisiko ataupun gejala-gejala yang merosakkan. Ini termasuk dari segi infrastruktur dan kemudahan di kawasan komuniti seperti padang bola dan perpustakaan awam untuk kanak-kanak membesar dengan selamat.

Di negara-negara maju seperti di Jepun misalnya, kanak-kanak berusia seawal 7 tahun diangap selamat untuk menaik kereta api sendiri tanpa diiringi dewasa. Walaupun tiada pekerja khusus yang ditugaskan untuk menjaga kanak-kanak di dalam kereta api, gabungan sistem pengangkutan awam yang teratur dan jumlah pekerja yang mencukupi secara konsisten, mewujudkan suasana yang selamat bagi kanak-kanak untuk menggunakan pengangkutan awam. Juga mewujudkan asas bagi memupuk budaya masyarakat yang prihatin terhadap kanak-kanak di tempat awam.

Menyelesaikan isu pengabaian terhadap kanak-kanak memerlukan penyelesaian yang konkrit. Sememangnya pembinaan infrastruktur yang selamat untuk kanak-kanak membesar dan kempen untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam pengabaian terhadap kanak-kanak adalah

meringankan beban tanggungan isi rumah dari segi ekonomi dan kebajikan kelas pekerja yang telah banyak berkorban untuk ekonomi. Tiada istilah ihsan mahupun belas kasihan bagi kelas kapitalis terhadap kelas pekerja pada waktu itu. Jikalau bukan kerana perjuangan kelas pekerja di Rusia, buruh kanak-kanak yang bekerja dalam kondisi yang memudaratkan dan membantutkan tumbesaran serta kesihatan seperti di lombong mahupun kilang yang hampir tiada aturan keselamatan adalah perkara biasa.

Namun harus jelas disini, sumbang terbesat Lenin dan Trotsky dalam perubahan-perubahan progresif di Rusia yang menjadi ikutan negara-negara lain pada waktu itu bukanlah klinik-klinik komuniti dan asrama bersubsidi, tetapi mereka berjaya membuktikan kemajuan-kemajuan progresif yang diperoleh kelas pekerja apabila mengambil alih kuasa pemerintahan kerajaan. Perubahan-perubahan progresif yang berteraskan hak dan kebajikan untuk semua tanpa mengira umur mampu dilaksanakan secara kolektif dan terancang secara demokratik.

Malangnya kesilapan kepimpinan kiri di Eropah dan birokrasi Stalin telah menyebabkan kerajaan Soviet merosot dan manfaat-manfaat yang diperoleh telah dikomersialkan dalam pasaran bebas untuk keuntungan segelintir elit kapitalis. Kemudahan-kemudahan awam untuk memudahkan urusan penjagaan kanak-kanak sangat terlimitasi disebabkan perwakilan dalam pemerintahan kerajaan tidak lagi diwakili majoriti kelas pekerja yang lebih tahu kondisi kehidupan kelas pekerja. Kelas pekerja harus mengambil alih manfaat yang diperoleh dari perjuangan kelas pekerja terdahulu dan meneruskan perjuangan untuk menghapuskan isu kebajikan kanak-kanak dan penindasan yang sistemik terhadap kelas pekerja dalam sistem kapitalisme.

Pengabaian terhadap kanak-kanak merupakan isu sistemik dan memerlukan perubahan yang jauh lebih teliti. Ini boleh bermula melalui penglibatan secara aktif dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan menuntut Kesatuan sekerja seperti MTUC dan CUEPACS untuk menyokong perjuangan membela hak kanak-kanak, seperti mewujudkan pusat asuhan kanak-kanak yang bersubsidi sepenuhnya oleh kerajaan. Terutama di tempat kerja dan kawasan di luar bandar. Ini termasuklah perjuangan politik kelas pekerja yang merupakan satu-satunya kuasa politik yang mampu membawa tuntutan rakyat ke arah yang lebih progresif dan kekal.

Zayn Rayyan dan beberapa lagi kanak-kanak OKU yang menjadi mangsa pengabaian dalam struktur masyarakat kapitalisme harus dibela bukan saja dalam kerangka undang-undang mahkamah, tetapi sebuah perjuangan yang menuntut agar kejadian tidak akan berulang lagi dan hak semua kanak-kanak terbelia tidak kira apa jua keadaan kanak-kanak tersebut.

Penindasan kerajaan terhadap orang Bajau Laut

oleh Liam dan Fajar



Bajau Laut, juga dikenali sebagai 'sea gypsies', adalah kumpulan etnik pribumi di Sabah, Malaysia, yang mengalami peminggiran dan tidak mempunyai kewarganegaraan. Jumlahnya mencecah ratusan ribu (jumlah penduduk sebenar tidak diketahui kerana kekurangan data banci), jiwa-jiwa yang kuat ini dinafikan kewarganegaraan Malaysia, menjerumuskan mereka ke dalam bayang-bayang kemiskinan tegar dan rampasan hak asasi manusia yang tidak dapat dielakkan. Di sini kita meneroka isu birokrasi yang dihadapi oleh Bajau Laut, meneliti konteks politik dan sejarah mereka, pengecualian sosial dan ekonomi, dan keperluan mendesak untuk advokasi dan perpaduan.

Nasib Bajau Laut adalah berdasarkan faktor sejarah dan politik. Dasar imigresen ketat kerajaan Malaysia menggabungkan pemohon suaka, pelarian dan individu tanpa izin bersama-sama sebagai pendatang tanpa izin, tidak menawarkan perlindungan atau perlindungan undang-undang untuk Bajau Laut. Pendekatan ini berakar umbi bermula dengan penubuhan sempadan era kolonial yang mengganggu corak pergerakan tradisional untuk orang maritim ini. Penandaan sempadan negara melalui Protokol Madrid 1885 tidak mengambil kira pergerakan bebas kumpulan pribumi seperti Bajau Laut, yang secara sejarah menjelajah laut dengan bebas.

Lebih-lebih lagi, landskap politik di Sabah dicemari oleh politik perkauman. Elit politik mengeksploitasi ketakutan terhadap perubahan demografi untuk mengekalkan hegemoni mereka, menggunakan kehadiran Bajau Laut sebagai alat untuk mencetuskan ketegangan kaum dan menjamin kelebihan pilihan raya. Projek IC yang terkenal pada 1990-an menyaksikan parti UMNO yang dominan ketika itu memanipulasi kerakyatan untuk kepentingan politik, membawa kepada ketidakpercayaan dan kebencian yang mendalam di kalangan elit Sabah terhadap pemberian kerakyatan kepada masyarakat yang tidak berdokumen. Manipulasi ini melibatkan pemberian kerakyatan kepada warga asing untuk mengubah komposisi demografi Sabah, memastikan kesetiaan politik kepada UMNO dan melemahkan pembangkang tempatan. Manipulasi sejarah ini telah meninggalkan legasi syak wasangka dan perpecahan, menjadikannya wajar dari segi politik untuk pemimpin

Sabah sekarang mengekalkan status quo. Golongan pemerintah di Sabah bimbang bahawa penyepaduan Bajau Laut akan mencairkan kuasa politik dan kawalan ekonomi mereka. Akibatnya, terdapat sedikit kemahuan politik untuk menangani ketidakwarganegaraan dan peminggiran komuniti ini. Kekurangan tindakan ini sering dibenarkan dengan menimbulkan keseimbangan keselamatan negara dan retorik xenophobic, seterusnya mengukuhkan pengecualian gipsi laut.

Pengecualian sistemik Bajau Laut daripada masyarakat Malaysia bukan sekadar isu hak asasi manusia tetapi mencerminkan jurang sosio-ekonomi yang lebih luas. Menafikan kewarganegaraan mereka secara berkesan menghalang mereka daripada ekonomi formal, memerangkap mereka dalam pekerjaan yang bergaji rendah dan tidak stabil seperti menangkap ikan, mengutip bahan buangan, dan pekerjaan sampingan secara haram. Bajau Laut ada-

lah sebahagian daripada tentera buruh simpanan perindustrian yang tidak mempunyai kewarganegaraan; majikan mengeksploitasi mereka tanpa izin dan membayar mereka jauh lebih rendah daripada gaji minimum. Kekurangan pendidikan semakin membebankan, dengan ramai kanak-kanak tidak dapat hadir ke sekolah ataupun menduduki peperiksaan kerana status mereka yang tidak berdokumen dan kos yang tinggi untuk mendapatkan dokumentasi pendaftaran. Tanpa pendidikan formal, anak-anak ini ditakdirkan untuk mengikut jejak ibu bapa mereka, tidak dapat melepaskan diri daripada kitaran kemiskinan dan kesengsaraan. Tambahan pula, merumitkan keadaan lagi ialah ketiadaan perkhidmatan kesihatan yang betul termasuk semasa pandemik Covid merebak terus ke seluruh penduduk.

Pengecualian ekonomi Bajau Laut juga mempunyai implikasi yang lebih luas kepada masyarakat Malaysia. Dengan kewujudan se-

bahagian besar penduduk terpinggir dan tidak produktif, potensi sumbangan ekonomi tidak dapat direalisasikan. Mengintegrasikan Bajau Laut ke dalam ekonomi formal boleh membawa kepada peningkatan produktiviti, inovasi dan pertumbuhan ekonomi keseluruhan. Walau bagaimanapun, iklim politik semasa, didorong oleh perpecahan kaum dan etnik, menjadikan integrasi sedemikian prospek yang jauh. Anggapan terhadap Bajau Laut sebagai "haram" dan "kotor" semakin mengasingkan mereka daripada masyarakat lain. Diskriminasi ini diperkuatkan lagi semasa kitaran pilihan raya, apabila ahli politik menyalahkan Bajau Laut atas isu sistemik yang sebenarnya berpunca daripada pengabaian oleh pihak ahli politik sendiri! Bajau Laut mempunyai warisan budaya yang kaya dan kemahiran unik, terutamanya dalam pelayaran maritim dan memancing, yang boleh menjadi aset berharga kepada masyarakat Malaysia. Namun, sumbangan ini

diendahkan kerana diskriminasi yang berterusan.

Tambahan pula, pihak berkuasa negeri dan tempatan telah berulang kali menyerbu dan memusnahkan rumah Bajau Laut, merujuk kepada kesalahan seperti permit perumahan yang tidak diluluskan, pembinaan yang tidak selamat, kebimbangan keselamatan negeri, atau memerangi jenayah rentas sempadan. Keganasan terbaharu di Taman Laut Tun Sakaran, Sabah, hanyalah satu contoh dalam sejarah keganasan tajaan kerajaan. Orang Bajau Laut diserbu oleh pihak berkuasa, yang mengumpulkan orang dan membawa mereka ke penjara tempatan, kemudian membuat mereka membayar denda.

Ini adalah kitaran kemiskinan dan keputusan yang menguatkan, di mana pihak berkuasa menafikan kewarganegaraan kepada Bajau Laut, memaksa mereka hidup dalam kemelatan, merobohkan rumah mereka dari masa ke semasa di bawah mana-mana alasan yang paling sesuai, dan ini adalah kerana Bajau Laut tidak mempunyai hak kehidupan yang adil. Pihak berkuasa negeri sama kejam terhadap orang yang menunjukkan solidariti terhadap Bajau Laut, pada 14 Jun apabila 16 guru dan pelajar termasuk Cikgu Syahfeeq memperjuangkan peningkatan akses air telah ditangkap dan ditahan sewenang-wenangnya.

Perlakuan terhadap Bajau Laut oleh kerajaan adalah penindasan terhadap masyarakat minoriti yang terpinggir. Golongan pemerintah mahu kita berpuas hati dengan sisa yang mereka berikan kepada kita, meneruskan status quo dan cuba sedaya upaya untuk menyembunyikan penindasan berterusan mereka terhadap Bajau Laut, sekali-sekala membangkitkan kebencian kaum semasa kitaran pilihan raya dan menjadikan Bajau Laut sebagai kambing hitam. Ini adalah buku permainan mereka, sementara kelas pemerintah membahagikan keuntungan mereka yang diperolehi melalui eksploitasi buruh dan tanah. Sebenarnya sudah wujudnya cukup sumber dan kekayaan untuk dikongsiikan semua orang dan diperuntukkan ke arah pembangunan Bajau Laut. Marilah kita, kelas pekerja bersatu merentasi garis kaum dan etnik menentang taktik pecah-dan-peraturan elit pemerintah, kelas pekerja menuntut pemberhentian penindasan di halaman rumah kita sendiri.



Krisis air di Sabah, mahasiswa menuntut!

oleh Shaqirah Shauqi

Persidangan parlimen Mac yang lepas, ahli Parlimen Kota Belud Isnaraissah Munirah memberitahu Dewan Rakyat bahawa masalah air di Sabah berada pada tahap 'kritikal' dan menggesa kerajaan persekutuan supaya memastikan projek untuk penyelesaian air itu diselesaikan segera.

Ini tentu satu kelancangan bagi rakyat Sabah yang semestinya tahu bagaimana sumber alam dan kekayaan semula jadi seperti minyak dan gas telah diambil selama ini tanpa sebarang pembangunan yang benar-benar bermakna. Yang tinggal hanyalah janji-janji kosong dan sehingga kini masih kekal menjadi antara negeri yang termiskin dalam negara walaupun Sabah merupakan negeri keenam terbesar dari segi sumbangan KDNK.

Protes #kamimahuair yang diwujudkan oleh mahasiswa Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini telah mendedahkan permukaan krisis di Sabah. Dan sememangnya rakyat di sana bukan saja sedang bergelut dengan isu bekalan air, tetapi juga faktor-faktor lain yang sinonim dengan isu kemiskinan yang sistemik di Sabah. Seperti isu infrastruktur jalan untuk memberikan akses kepada rakyat untuk keluar bekerja di bandar, termasuklah akses untuk kemudahan-kemudahan lain seperti kesihatan dan pendidikan. Keberanian mahasiswa UMS yang berusaha untuk menekan pihak-pihak berwajib untuk mendapatkan bekalan air yang cukup dan bersih bagi mahasiswa dan rakyat Sabah seharusnya dipuji.

Kami daripada Solidariti Pekerja menyokong tuntutan gerakan mahasiswa UMS dalam menuntut pihak berwajib menyelesaikan krisis air di Sabah. Semoga perjuangan akan menang. Tetapi kami juga sedar limitasi yang wujud dalam gerakan tanpa sokongan daripada rakyat biasa dan kelas pekerja yang tersusun untuk turut serta dalam mem-

bankan tuntutan.

Isu korupsi seperti yang ditegaskan oleh kepimpinan kesatuan mahasiswa UMS, Suara Mahasiswa, Asyikin Asmin sememangnya harus di sahut dalam merujuk isu penyelewengan RM 3 juta peruntukan kepada Jabatan Air Negeri Sabah, JANS pada tahun lalu untuk menyelesaikan isu bekalan air. Layanan acuh tidak acuh pihak kerajaan dan universiti dalam menjawab tuntutan gerakan mahasiswa #kamimahuair sememangnya dapat dijangka. Status quo mereka telah tercabar melalui pendedahan daripada gerakan ini.

Oleh itu, kami menyeru kepada mahasiswa yang sedang ikhlas berkorban dan berjuang demi mendapatkan asas kemudahan air di Sabah untuk mengambil perspektif anti kapitalisme dan bersaba untuk menjalinkan solidariti bersama-sama dengan rakyat biasa dan kelas pekerja yang turut merasa penindasan yang sistemik melalui perjuangan yang berasaskan solidariti kelas pekerja dan rakyat biasa. Dengan cara ini gerakan menuntut air di Sabah akan lebih teguh dan bertahan dari sekatan-sekatan kerajaan serta lebih fokus untuk perubahan yang berkekalan, bukan sekadar 'tampal-balut' dalam menyelesaikan isu.

Isu air merupakan simptom yang wujud dalam ekonomi kapitalisme. Mujurlah perjuangan kelas pekerja terdahulu telah menuntut hak ini sebagai antara hak asas yang ditanggung oleh kerajaan melalui sistem cukai. Tetapi ketidakcekapan merupakan ciri yang akan sentiasa wujud dalam kerajaan yang taat kepada kehendak pasaran bebas. Meskipun keuntungan telah diperoleh melalui pengambilan sumber kekayaan di Sabah, tetapi hasilnya tidak diagihkan untuk membangunkan infrastruktur-infrastruktur awam dan sebaliknya jatuh ke tangan segelintir kroni kapitalis. Sistem pemerintahan yang birokratik dalam sistem kapitalisme turut



membuka ruang bagi isu-isu korupsi untuk berlaku. Misalnya dalam menyebut harga bahan-bahan pembangunan seperti simen, batu, dan sebagainya, pengambil tender akan meletakkan harga yang lebih tinggi untuk mengaut keuntungan dari kerajaan.

Jadi tidak hairanlah mahasiswa dan aktivis yang bangkit untuk menyuarakan isu ini dihadapan parlimen setelah pelbagai cubaan sebelum ini tetapi tidak dilayan dan ditahan pihak polis di bawah akta perhimpunan aman. Ini merupakan taktik untuk menakutkan rakyat biasa yang ingin bersolidariti dan sekaligus untuk mematahkan gerakan mahasiswa menuntut bekalan air yang realitinya mempunyai potensi yang besar untuk menggerakkan rakyat menuntut tuntutan yang lebih progresif seperti isu kos sara hidup.

Satu-satunya cara untuk me-

nyelesaikan isu air di Sabah adalah dengan menghapuskan motif keuntungan dalam setiap lapisan pembikinan infrastruktur bekalan air termasuklah kawal selia operasi bekalan air di Sabah. Kelas pekerja yang tersusun mesti mengambil alih pengurusan secara demokratik untuk memastikan agenda keuntungan dapat dibanteras. Menyerusi langkah ini, isu korupsi dan ketirisan serta keculasan dalam penyediaan dan penyelenggaraan dapat dipantau dan dikawal sepenuhnya oleh kelas pekerja yang mengawal pengurusan bekalan air.

Justeru, tuntutan Suara Mahasiswa untuk merombak semula individu-individu yang berkaitan dengan pengurusan di Sabah mesti dihubungkan dengan tuntutan untuk memberikan kuasa kepada pekerja untuk mengambil alih pengurusan. Jadi wujud keperluan bagi gerakan mahasiswa yang menuntut air di Sabah untuk turut menekan kesatuan sekerja yang berkaitan seperti Kesatuan Pekerja-pekerja Jabatan Air Sabah dan CUEPACS, iaitu kesatuan penjawat awam untuk menyokong dan mengambil peranan untuk bertindak dalam isu ini. Tetapi peranan kesatuan yang sepatutnya menjadi badan susunan terkuat dalam masyarakat untuk mewujudkan kuasa kolektif bagi tuntutan yang bersifat anti kapitalisme, kini tidak lagi sekuat dahulu disebabkan undang-undang yang menghalang perjuangan kesatuan. Tetapi potensi yang wujud di dalam organisasi pekerja yang mempunyai

pekerja yang tersusun adalah kuasa yang cukup efektif dalam membawa tuntutan terutamanya tuntutan yang berasaskan rakyat.

Dan isu air di Sabah boleh menjadi isu untuk mengaktifkan semula kepimpinan dalam kesatuan yang benar-benar inginkan perubahan, termasuklah isu air di negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Selangor. Walau apa pun, keperluan untuk membina perjuangan di peringkat akar umbi melalui perjuangan kelas pekerja dan rakyat biasa yang tersusun adalah elemen yang terutama dalam gerakan menuntut perubahan yang kekal di Sabah.

Krisis air dan kemiskinan di Sabah telah pun wujud sejak sebelum pemerintahan Madani lagi. Mungkin Anwar dan sekutunya boleh beri alasan pada peringkat awal pengambilalihan mereka. Tetapi melalui corak pemerintahan, Anwar dan sekutunya masih mengikut rentak yang sama seperti pemerintah terdahulu yang taat kepada kehendak pasaran bebas dan selesa untuk meneruskan undang-undang dan akta yang bersifat anti-demokratik. Oleh itu, perjuangan bagi hak yang sewajarnya bagi rakyat di Sabah harus mengambil perspektif anti kapitalisme dan berjuang melalui solidariti bersama kelas pekerja dan rakyat yang ditindas. Biarpun sekadar isu air, tetapi potensi yang wujud untuk membongkar kemiskinan yang sistemik di Sabah sekaligus menuntut perjuangan dan perubahan yang lebih luas.

MAJU TERUS MAHASISWA!

BANTAH AGENDA KAPITALISME MELALUI
PERJUANGAN RAKYAT DAN KELAS PEKERJA YANG
TERSUSUN!



Solidariti terhadap rakyat Palestin, ayuh bina perjuangan merentasi boikot barangan Israel

oleh Shaqirah Shauqi



Naratif dalam konflik Israel - Palestin yang mengatakan ia berpunca dari kebencian antara Yahudi dan Islam sudah tidak relevan pada lagi tahap ini. Protes massa di seluruh dunia sejak konflik pada 7 Oktober lepas telah mencatatkan protes besar-besaran yang cukup bersejarah, termasuklah di Malaysia. Luapan kebencian terhadap perang yang tidak berkesudahan ini telah mendedahkan bahawa konflik jauh sekali untuk kepentingan mana-mana agama, tetapi merupakan sebuah konflik yang didanai oleh negara kapitalis terbesar US untuk merebut kuasa politik di timur tengah dan sumber kekayaan alam gas asli di Gaza.

Walaupun begitu, masih wujud beberapa kelompok yang terperangkap dalam naratif keagamaan dalam memahami konflik di Palestin. Kesilapan ini bukan disengajakan tetapi kawalan kelas kapitalis dan kuasa pasaran bebas yang lebih mementingkan keuntungan telah mencemar maklumat yang disampaikan melalui media. Dan sementara persoalan media menjadi isu yang besar di merata dunia; membentuk kesedaran massa mengenai konflik Israel - Palestin, isu yang mendasari konflik ini adalah sistem kapitalisme yang berasaskan persaingan merebut kekayaan dan kuasa. Dan ketiadaan perwakilan politik yang mempertahankan hak rakyat dan kelas pekerja biarpun di peringkat nasional mahupun antarabangsa juga, menjadi punca di samping merupakan simptom dalam sistem politik kapitalisme yang menyekat sebarang bentuk perjuangan dari kelas pekerja terhadap kelas kapitalis yang ingin terus mengeksploit dan merebut kekayaan walau seberapa buruk akibatnya.

Malaysia sebagai ahli pertubuhan UN, secara konsisten telah menyatakan solidariti terhadap perjuangan pembebasan rakyat Palestin dalam setiap resolusi. Termasuk dari segi bantuan kemanusiaan dan pengiktirafan negara Palestin sebagai sebuah negara yang sah. Namun langkah-langkah kerajaan tidak sunyi dari kritikan. Dan sememangnya konflik Israel - Palestin wajar diberikan perhatian yang serius. Sepertimana kempen boikot barangan Israel yang mendapat perhatian yang serius dari rakyat biasa. Meskipun kempen 'boikot barangan Israel' telah mempamerkan ekspresi protes yang cukup jelas terhadap kekejaman Israel, Malaysia selaku negara yang bergantung dengan pasaran ekonomi global, persoalan hubungan geopolitik negara dengan negara-negara yang bersekutu dengan kekejaman Israel pada hakikatnya merentasi persoalan senarai jenama barangan Israel

untuk boikot yang hanya sebatas kuasa rakyat selaku konsumen atau pembeli.

Syarikat Black Rock, sebuah syarikat pelaburan pro Zionist utama di Amerika Syarikat mempunyai hubungan dengan negara melalui syarikat-syarikat GLC seperti Khazanah, MAHB, Public Bank, KWSP dan TNB. Tambahan pula Kementerian Pertahanan Negara sendiri telah menganjurkan pameran senjata api tahunan NATSEC yang mendapat tajaan dari syarikat senjata seperti Lockheed Martin dan BAE yang juga merupakan penaja senjata terbesar dalam perang di Palestin. Malah kerajaan negara turut dianggap sebagai hipokrit kerana melebihi isu rakyat di Palestin berbanding keadaan rakyat negara sendiri. Kritikan ini merujuk layanan pihak kerajaan terhadap anak-anak tanpa warganegara terutamanya di Sabah dan pelarian Rohingya yang hidup terumbang ambing tanpa pengiktirafan dalam negara. Kritikan ini turut disuarakan oleh parti PAS mengenai hubungan ekonomi negara dengan Black Rock.

Konflik antara Israel dan Palestin ternyata rumit. Di samping telah memakan masa berpuluh tahun, perubahan dalam hubungan geopolitik di Timur Tengah juga telah menambah kesulitan untuk memahami perkembangan konflik di Palestin. Situasi ini menjadi membimbangkan

apabila parti-parti elit yang tidak mempunyai sebarang alternatif terhadap konflik selain bersaing untuk mendominasi agama dan identiti, mempergunakan konflik untuk mendapatkan sokongan. Demikianlah situasinya dalam politik negara. Terutama dalam naratif kepimpinan PAS. Sementara kerajaan Madani di bawah pimpinan Anwar pula berdiplomati dengan mengambil posisi tanpa memberikan kritikan politik terhadap Hamas. Baik kerajaan mahupun pembangkang, masing-masing sedang cuba menjadi pejuang tanpa memberikan sebarang penjelasan yang jelas dan alternatif untuk menamatkan perang wujud di Palestin. Masing-masing telah gagal untuk menggunakan posisi sebagai wakil kepimpinan nasional untuk membawa sebarang penyelesaian terhadap perang.

Meskipun kita tidak seharusnya melukis persamaan antara Hamas dan parti nasionalis Likud di Israel yang jauh lebih ekstrim, kepimpinan Hamas yang menggunakan agama Islam sebagai kempen untuk meraih sokongan seharusnya dikritik. Cara ini menegatepikan kepelbagaian identiti dan budaya di Palestin. Tetapi apa yang lebih penting adalah ini memukul rata setiap rakyat yang beragama Islam sebagai mempunyai latar belakang ekonomi yang sama. Yang mana realitinya, individu yang lebih kaya tidak kira apa jua bangsa dan agama mempunyai kehidupan yang

lebih senang berbanding rakyat biasa yang terpaksa berhadapan dengan ancaman keganasan regim Israel setiap hari. Begitu juga isu kebebasan ekonomi yang mana kelas pekerja di Palestin sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil. Kesilapan perspektif Hamas ini telah menyebabkan kegagalan untuk memahami keadaan sebenar rakyat biasa dan kelas pekerja, dan gagal melihat jalinan solidariti antara kelas pekerja sebagai kekuatan untuk memperjuangkan hak pembebasan rakyat Palestin.

Tentunya situasi yang amat sukar di Palestin merumitkan gerakan kelas pekerja untuk berjuang. Tetapi situasi ini telah mendapat simpati di seluruh dunia terutama kelas pekerja di negara-negara Timur Tengah. Justeru Hamas seharusnya memanfaatkan situasi ini untuk menyeru kepada penyatuan kelas pekerja untuk menentang penindasan imperialis Amerika Syarikat dan Israel.

Malah seruan untuk menjalinan solidariti juga patut diajukan kepada kelas pekerja di Israel. Gelombang protes pada Januari tahun lepas yang melibatkan lebih 80,000 rakyat biasa dan pekerja menentang pemerintahan kuku besi Netanyahu seharusnya diambil manfaat yang sepenuhnya oleh

Hamas.

Kesilapan perspektif terutamanya dalam situasi perang akan menyebabkan peristiwa berdarah atau kemudaratannya yang berterusan. Seperti peristiwa 'pembunuhan massal' di Indonesia yang melibatkan jentera CIA pada 1965-1966 telah meragut berjuta-juta nyawa rakyat biasa atas kesilapan perspektif Parti Komunis Indonesia. Mereka telah memberikan kepercayaan kepada Soekarno yang mempunyai hubungan dengan Amerika Syarikat untuk menjadi presiden di Indonesia.

Meskipun Malaysia bukan negara yang sedang berperang, perbezaan identiti dan perlecehan parti politik elit terhadap kepelbagaian kaum dan agama dalam negara telah menjadi isu sejak sekian lama. Kesalahan dalam mengatur perkataan dalam ucapan misalnya, boleh menimbulkan perselisihan antara kaum terutama ketika krisis ekonomi dan politik. Seperti mana yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969, rusuhan antara kaum disebabkan kepimpinan parti politik yang tidak bertanggung jawab mengapi-apikan sengket antara kaum selepas keputusan pilihan raya. Oleh itu, perspektif yang berasaskan perjuangan kelas adalah amat penting untuk mencantas naratif yang berasaskan agama dalam situasi konflik di Palestin. Agenda kerajaan dan parti pembangkang elit yang ingin menggunakan situasi konflik untuk agenda mereka harus dikritik menggunakan perspektif kelas.

Mampukah kelas pekerja di Malaysia berjuang untuk rakyat Palestin? Walaupun jauh beribu batu, sistem ekonomi kapitalisme global yang bergantung antara satu sama lain dari segi impot dan eksport produk serta sumber asli, terutamanya eksploitasi tenaga pekerja, membawa maksud sebarang aksi kolektif kelas pekerja yang menghambat operasi dan keuntungan syarikat seperti mogok yang berterusan akan memberikan kesan terhadap ekonomi negara. Ini memberikan kuasa bagi kelas pekerja untuk menuntut tuntutan yang sewajarnya.

Seperti protes pekerja pelabuhan yang dipimpin oleh kesatuan di Eropah seperti Sweden, Italy dan Belgium yang dipanggil protes 'sekat bot' yang mana bot-bot yang membawa senjata api untuk dihantar ke Israel disekat oleh pekerja-pekerja di pelabuhan. Bagi situasi di Malaysia, inspirasi dari strategi ini boleh disesuaikan mengikut situasi di Malaysia.

AYUH BINA KUASA PEKERJA MENENTANG KEZALIMAN ISRAEL DAN AMERIKA SYARIKAT MELALUI KUASA KELAS PEKERJA!



PENDIDIKAN

- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej: Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Menuntut autonomi sepenuhnya kepada universiti dan kolej untuk mengeluarkan graduan kreatif untuk pembangunan keperluan rakyat biasa dan bukannya berpaksikan kepada keuntungan maksimum kapitalis.
- Tidak kepada penswastaan pendidikan termasuk pengkorporatan universiti dan kolej awam. Memiliknegerakan atau pemilikan awam segala entiti pendidikan daripada tadika hinggalah ke universiti dengan pembiayaan yang secukupnya untuk meningkatkan kemudahan dan kualiti pendidikan.
- Menyokong hak pekerja awam di bidang pendidikan, guru dan pensyarah untuk mempertahankan hak mereka dan autonomi pendidikan.
- Untuk mentransformasikan Persatuan Pelajar kepada Kesatuan Pelajar yang bebas, demokratik dan memperjuangkan hak dan keperluan pelajar.
- Untuk membentuk pendidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui pemilikan awam, dan ianya diuruskan secara demokratik dan percuma di semua peringkat - sistem pendidikan sosialis.

PEKERJAAN DAN KEBAJIKAN

- Menyokong perjuangan anak muda dan warga pekerja untuk hak pekerjaan.
- Hapuskan pengangguran dengan hak pekerjaan yang adil untuk semua.
- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hapuskan amalan 'outsourcing' dan buruh kontrak yang mengakis hak pekerja dan kesatuan sekerja.

- Peluang latihan yang adil untuk anak-anak muda dengan gaji saraan hidup, termasuk pekerjaan yang terjamin selepas latihan.

- Hentikan pembuangan pekerja di sektor awam atau swasta. Miliknegerakan syarikat yang mengancam penutupan, di bawah kawalan demokratik oleh kesatuan sekerja dan warga pekerja.

- Majikan harus memperuntukkan elaun perumahan, pengangkutan, makanan dan faedah-faedah lain yang diperlukan untuk kebajikan pekerja.

- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.

- Pinjaman perumahan tanpa faedah oleh kerajaan untuk memastikan keluarga miskin memiliki tempat kediaman. Pinjaman perumahan kerajaan dengan faedah yang rendah harus diperluaskan kepada warga pekerja di sektor swasta.

- Membina tempat-tempat rekreasi awam percuma dan berkualiti kepada anak muda dan pekerja.

HAK DAN DEMOKRASI

- Mempertahankan hak untuk membantah dan berdemonstrasi. Tiada penganiayaan kepada penunjuk perasaan. Hak untuk berorganisasi di setiap sekolah, kolej dan universiti.

- Hentikan keganasan polis terhadap demonstrasi dan rakyat biasa.

- Tiada rasisme, seksisme, homophobia, dan semua bentuk diskriminasi.

- Pertahankan hak dan budaya semua minoriti termasuk orang asal.

- Hak pekerjaan, perumahan dan perkhidmatan tanpa diskriminasi kaum, agama dan jantina.

- Hentikan serangan ke atas hak-hak wanita.

- Wujudkan semula pilihanraya kerajaan tempatan di setiap daerah.

- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan

- parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.

- Hentikan penswastaan perkhidmatan awam. Memiliknegerakan semula semua kemudahan awam dengan kawalan demokratik kesatuan sekerja dan rakyat biasa.

- Hentikan pemotongan subsidi dan mula merancang ekonomi berlandaskan keperluan rakyat, bukan keuntungan maksimum.

SOLIDARITI ANTARABANGSA DAN DEMOKRATIK SOSIALISME

- Untuk solidariti antara kelas pekerja dan anak muda di seluruh dunia.

- Solidariti dengan Perjuangan Anak Muda dan Pekerja di Timur Tengah/Afrika Utara untuk pembentukan kerajaan kelas pekerja dan petani miskin.

- Tidak kepada peperangan dan campur tangan imperialis. Untuk pengosongan segera semua tentera asing dari Afghanistan dan Iraq.

- Tamatkan kepungan Gaza di Palestin dan hormati hak pembentukan negara Palestin.

- Hentikan pembinaan peluru berpandu nuklear dan hapuskan segala senjata yang boleh memusnahkan alam.

- Menyokong kempen solidariti Tamil Sri Lanka - untuk hak semua rakyat untuk menentukan pilihan sendiri.

- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.

- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.

Sosialis Alternatif adalah sebahagian daripada pertubuhan sosialis dan kelas pekerja antarabangsa (*Committee for a Workers' International*) yang beroperasi di lebih 50 buah negara. Sosialis Alternatif berkempen menentang penindasan kapitalisme ke arah membentuk masyarakat yang berlandaskan demokratik sosialisme di Malaysia dan sedunia.

www.sosialisalternatif.org / www.socialistworld.net



SOLIDARITI PEKERJA

PERJUANGAN . SOLIDARITI . SOSIALISME

RM 3 / RM 5 SOLIDARITI

www.sosialisalternatif.org | www.socialistworld.net

ISU 31 . OKT - DIS 2024

KEMPEN GAJI MINIMUM

Gerakan pekerja dan anak muda untuk gaji minimum RM20 sejam!

Ketidaksamaan sosial dan ekonomi di Malaysia sudah mencapai kadar yang membimbangkan. Berikutan kemelesetan ekonomi global pada 2008, golongan kapitalis meneruskan kehidupan mewah mereka manakala majoriti kelas pekerja dan rakyat biasa masih bergelut dengan kemiskinan.

Laporan terbaru dari Institut Kajian Khazanah menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 telah menyebabkan kemiskinan mutlak meningkat sebanyak 4.5% pada 2022; iaitu sebanyak 1.3% daripada 2019. Ini mendedahkan ketidakmampuan kerajaan untuk menyelesaikan masalah asas rakyat dan menyebabkan sebahagian besar rakyat miskin terus terperangkap ke dalam jurang kemiskinan. Diterukkan lagi, pengeluaran skim KWSP telah mengakibatkan sebahagian besar kelas pekerja tidak mempunyai simpanan yang cukup buat hari tua mereka dan meletakkan kelas pekerja di dalam situasi masa depan yang berisiko dan tidak stabil.

Laporan daripada badan kerajaan sendiri seperti Khazanah telah menunjukkan bahawa peningkatan gaji di Malaysia tidak setara dengan pertumbuhan produktiviti negara. Dari 2015 hingga ke 2022, peruntukan yang diagihkan untuk gaji pekerja telah menurun sebanyak 3% manakala untuk keuntungan korporat pula telah meningkat sebanyak 7%. Walaupun golongan pemodal atau kapitalis dilihat membuat untung berbilion-bilion ringgit, rakyat biasa terus dibebankan dengan kenaikan harga barang dan pembekuan gaji.

Secara purata, setiap isi rumah kelas pekerja terpaksa membelanjakan kira-kira 44% daripada gaji mereka untuk membayar hutang. Pada tahun 2023, hutang isi rumah telah meningkat sebanyak RM 1.53 trilion - bersamaan 84.2% nisbah hutang dengan KDNK. Dengan beban hutang yang tinggi, rakyat Malaysia juga terpaksa menanggung kos pendidikan dan kesihatan yang semakin meningkat. Peningkatan kos perubatan Malaysia sebanyak 14% tahun ini telah mengatasi kadar purata Asia iaitu sebanyak 11.4%.

Walaupun rakyat Malaysia dengan jelas sedang bergelut dengan kenaikan kos hidup, kerajaan Malaysia, pihak pembangkang dan kapitalis-kapitalis korporat langsung tidak peduli nasib mereka. Tidak ada pihak yang berusaha memberikan penyelesaian ataupun jalan keluar bagi permasalahan yang sedang dihadapi. Golongan korporat dilihat menimbun keuntungan manakala kelas pekerja dan rakyat biasa sedang membanting tulang memperbaiki kehidupan mereka.

KAMI MENUNTUT KEADILAN SOSIAL DAN KEHIDUPAN YANG BERMARUAH UNTUK WARGA PEKERJA DAN ANAK MUDA!

Gaji minimum yang ditetapkan pada masa ini iaitu RM 1,500 sebulan adalah tuntutan yang sudah ketinggalan zaman. Malah jumlah ini adalah jumlah yang jauh lebih rendah berbanding jumlah saranan yang telah diberikan oleh Bank Negara Malaysia iaitu sebanyak RM 2,700 pada tahun 2018. Malah pada bulan September 2024, Perdana Menteri Anwar Ibrahim telah menetapkan kadar gaji minimum sebanyak RM 3,000 untuk semua pekerja di bawah Khazanah Nasional Berhad dan menyatakan harapan agar syarikat-syarikat swasta akan mencontohi tindakan syarikat pelaburan negara tersebut.

Walaupun pihak kerajaan sedang merancang dalam melaksanakan dasar gaji progresif - namun ini tidak akan memberi jaminan bahawa nasib kelas pekerja tidak akan ditindas oleh kelas kapitalis. Kerajaan kononnya ingin memainkan peranan selaku 'orang tengah' di antara kelas kapitalis dan juga kelas pekerja - namun realitinya, yang kekal diutamakan tetaplah keuntungan kelas kapitalis itu sendiri. Kerajaan telah memilih untuk mendengar hujah Persatuan Majikan Malaysia yang telah mendesak pihak berkuasa untuk mengurangkan kenaikan kadar gaji minimum dalam tekanan ekonomi dan sosial bagi majoriti isi rumah di Malaysia.

Manakala pihak pembangkang yang masih mendapat habuan elau dan gaji yang selesa tidak pula merasakan keperluan untuk menuntut kenaikan gaji minimum yang adil bagi rakyat biasa. Kelas pekerja dan rakyat biasa harus sedar bahawa wakil-wakil parlimen tak kira dari PH atau PN hanya mementingkan kuasa dan kebergantungan kepada kepentingan kapitalis-kapitalis korporat.

PERJUANGAN KELAS UNTUK PERUBAHAN EKONOMI DAN SOSIAL!

Gerakan gaji minimum yang adil adalah untuk menjamin sebuah kehidupan yang bermaruah untuk kelas pekerja. Kempen ini merupakan perjuangan bagi mengangkat hak pekerja yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi dan sosial untuk negara. Gerakan untuk menuntut gaji minimum perlu mencerminkan masalah-

masalah rakyat yang berpunca akibat pembekuan gaji pekerja manakala harga barang dan perkhidmatan asas semakin meningkat.

Selepas mengambil kira pandangan pekerja dan anak muda dari pelbagai sektor dan latar belakang, kami menuntut gaji minima yang dikuatkuasakan sekarang harus digandakan supaya setara dengan kenaikan harga barang. Berlandaskan kepada maklum balas pekerja dan tekanan sosial dan ekonomi, gaji minimum haruslah sekurang-kurangnya RM 3,600 sebulan ataupun RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa mengira status, sama ada pekerja tetap atau separuh masa atau pekerja migran. Kami ingin menuntut RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa diskriminasi kaum atau jantina supaya pekerja boleh menikmati hidup yang bermaruah.

KE ARAH GAJI SARA HIDUP YANG ADIL!

Walaupun bagaimanapun, tuntutan atau kempen 'RM 20 sejam @ RM 3,600 sebulan' hanya merupakan langkah pertama dalam perjuangan ke arah gaji yang lebih setara dengan kerja yang dilakukan. Kadar gaji minimum tersebut juga harus berkembang mengikut kadar inflasi pada masa-masa tertentu. Setiap pekerja layak mendapat gaji sara hidup.

Perjuangan untuk gaji minimum RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan merupakan langkah pertama untuk mengenalpasti masalah kelas pekerja serta anak muda, dan mendorong mereka untuk membebaskan diri dari beban ekonomi.

Pada masa yang sama, banyak daripada pekerjaan bergaji rendah bukan saja menghadapi situasi pekerjaan yang tidak stabil dengan kontrak jam sifar di mana pekerja berisiko untuk dihentikan bila-bila masa, mereka juga dibayar mengikut kadar jam berbanding kadar bulanan yang dianggap lebih tetap, dan disertakan dengan faedah-faedah pekerja. Pekerjaan ini kebanyakannya dilakukan oleh golongan minoriti, pekerja imigran dan wanita. Maka perjuangan untuk RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan adalah juga sebuah perjuangan bagi menuntut kesaksamaan sosial.

Sebuah gerakan pekerja dan anak muda harus dibina untuk mencapai tuntutan gaji minimum yang lebih adil. Gerakan ini adalah untuk memperkasakan kelas pekerja dan anak muda serta melibatkan mereka dalam

sebuah perjuangan menuntut perubahan.

Rangkaian aktivis dan organisasi progresif yang mempunyai hasrat yang sama harus bergabung untuk melebarkan perjuangan bersama. Anak muda, mahasiswa, pekerja profesional, kelas menengah dan golongan intelektual yang juga tertindas di bawah sistem kapitalisme harus bergabung tenaga dengan kelas pekerja dalam pembinaan gerakan ini.

KAMI JUGA MENUNTUT:

- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saaraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej; Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.



SERTAI PERJUANGAN KAMI!

 /solidaritipekerja /sosialisalternatif
 0112859623 (Yüva)